

WILAYAHKU

MEDIA WARGA KOTA

Foto: SHUAIB/AYOB/WK

RASIONALISASI SUBSIDI: MEMBANTU ATAU MENJERUT?

Jual aiskrim,
pendapatan cecah 5
angka sebulan >> 16

Penyair Nusantara
bertemu di Kuala
Lumpur >> 7

Saya...Dari Hujung
Kota, naskah seni
eksperimental >> 9 - 11

RAMD perlu bersatu, hormati kesucian Panji-Panji Rejimen

DIANA AMIR

PASUKAN Batalion Ke-23 Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) diseru untuk terus bersatu padu mengambil langkah sederhana (serentak) menghormati kesucian Panji-Panji Rejimen.

Sultan Kedah, **Sultan Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah** bertitah ia sejajar dengan perkembangan senario peperangan yang dinamik dalam pelbagai dimensi.

“Seluruh warga pasukan perlu memantapkan kesatuan serta meningkatkan kesiapsiagaan keupayaan tempur untuk mempertahankan kedaulatan agama, bangsa dan negara tercinta.

“Beta amat berbangga dengan prestasi yang ditunjukkan oleh batalion ini, dalam melaksanakan amanah yang diberi oleh rakyat jelata. Sehubungan itu, beta menaruh sepenuh kepercayaan, bahawa batalion ini akan terus dapat

mengekalkan keyakinan tersebut.

“Kotakanlah ikrar yang anda lafazkan pada hari ini agar Malaysia tetap terpelihara dari sebarang ancaman petualang negara,” titah baginda selepas berkenan menyempurnakan Istiadat Penganugerahan Panji-panji Rejimen Batalion Ke-23 RAMD di Dataran Panglima Tentera Darat Kem Perdana Sungai Besi baru-baru ini.

Baginda juga menekankan bahawa setiap lapisan warga pasukan perlu mempertahankan asas profesionalisme ketenteraan melalui amalan nilai-nilai rejimental.

“Teguhkanlah disiplin dan sentiasalah berusaha, untuk meneruskan wadah perjuangan bagi menghadapi segala kemungkinan yang bakal mendatang.

“Ingatlah, anda semua merupakan sebahagian nadi dalam memacu tonggak kecemerlangan dan tekad rakyat untuk menjadi bangsa yang berjaya, dalam kelangsungan

menghirup udara kemerdekaan. Janganlah sampai kita alpa dan leka, kerana kelak kita sendiri yang akan binasa,” titah baginda.

Dalam pada itu, baginda turut mengingatkan untuk menyanjungi penghargaan dan keyakinan yang diberikan oleh rakyat demi kesejahteraan dan kemakmuran ibu pertiwi.

“Ingatlah, ada dalam kalangan warga pasukan anda yang telah gugur di medan pertempuran sebagai bunga bangsa, demi menyahut seruan yang murni ini. Genggamlah dan kotakanlah kata-kata azimat ‘Biar Bertabur Peluru di Dada, Namun Undur Pantang Sekali’,” titah baginda.

Terdahulu, sebanyak 44 Panji-Panji Rejimen dianugerahkan kepada Rejimen dan Kor di dalam Tentera Darat dengan disertai oleh 23 pegawai dan 386 anggota lain-lain pangkat yang diketuai oleh Pegawai Memerintah, Leftenan Kolonel Mohd Azrou Ariffin Shah. **WK**



SULTAN SALLEHUDDIN berkenan melakukan Istiadat Menepung Tawar Panji-panji Rejimen yang baharu dianugerahkan selepas menyempurnakan Istiadat Penganugerahan Panji-panji Rejimen kepada Batalion ke-23 RAMD.

Sokongan kerajaan dan kelancaran AHTV jadi contoh kepada pelabur - Anwar

PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata sokongan Kerajaan Perpaduan serta kelancaran Projek Lembah Teknologi Tinggi Automotif (AHTV) akan menjadi contoh kepada pelabur-pelabur terhadap pendekatan Malaysia dalam memudah cara pelaburan dengan cekap dan segera.

Beliau mempengerusikan mesyuarat Projek AHTV di Proton City, Tanjung Malim pada Rabu bersama Menteri Besar Perak Datuk Seri Saarani Mohamad; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz dan Menteri Sains, Teknologi dan

Inovasi, Chang Lih Kang.

Menerusi hantaran di laman *Facebooknya*, Anwar berharap agar projek tersebut berjaya seperti yang dirancang.

“AHTV adalah satu projek mega membabitkan pelaburan berjumlah RM32 bilion yang dipelopori syarikat Zhejiang Geely Holding Group Co Ltd bersama-sama DRB-Hicom Bhd.

“Ia bakal mengubah Tanjung Malim menjadi sebuah hab automotif global untuk kenderaan tenaga baharu (NEV) sambil dikembangkan mencakupi pembangunan tenaga kerja, penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta pambandaran,” ujar

beliau.

Usai mesyuarat, beliau menyaksikan pemeteraian Perjanjian Kolaborasi Utama antara DRB-HICOM dan Geely sebagai komitmen kedua-dua pihak dalam sama-sama menjayakan AHTV,” katanya.

Beliau turut menyaksikan pemeteraian Dasar-Dasar Utama Perjanjian antara Altel dan Geospace Technology, syarikat pelaburan strategik Geely, yang memberi tumpuan kepada pembangunan dan pelaksanaan sistem teknologi tinggi serta memangkin pelaksanaan penyelesaian inovatif bagi sektor seperti pelaburan pintar. **WK**



ANWAR (tengah) menyaksikan pemeteraian Perjanjian Kolaborasi Utama antara DRB-HICOM dan Geely di Tanjung Malim pada Rabu.



AFDLIN (kanan) dan **Abdul Rahman** (kiri) menyampaikan cenderamata kepada Kamarulzaman di DBKL pada Selasa.

Wilayahku buat kunjungan hormat ke pejabat Datuk Bandar Kuala Lumpur

PENGERUSI Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) Media Sdn Bhd (Wilayahku), Datuk Afdlin Shauki melakukan kunjungan hormat ke atas Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Sr Kamarulzaman Mat Salleh di pejabat beliau di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada Selasa.

Beliau disertai oleh Pengarah Eksekutif YWP, Abdul Rahman Siraj.

Sesi kunjungan hormat yang berlangsung kira-kira dua jam itu bagi mengeratkan lagi hubungan dan persefahaman selain berbincang tentang kerjasama strategik di antara kedua-dua belah pihak. **WK**

Subsidi bersasar bawa manfaat jangka panjang untuk negara, rakyat

AZLAN ZAMBRY & SYED HAZIQUE

RANCANGAN kerajaan untuk melaksanakan pemberian subsidi bersasar perlu dilihat dari sudut positif kerana ia dapat menjimatkan wang negara serta boleh disalurkan untuk pembangunan yang lain.

Bercakap kepada *Wilayahku*, Pengarah Pusat Pengajian Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) Putra Business School (PBS) Universiti Putra Malaysia (UPM), **Profesor Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff** berkata pelaksanaan subsidi bersasar mampu memastikan hanya golongan yang layak mendapat manfaat serta mampu mengurangkan impak kewangan kerajaan disebabkan peruntukan subsidi yang semakin meningkat setiap tahun.

"Kerajaan dapat memastikan segala peruntukan yang dapat memberi impak yang sepatutnya, dan kemungkinan ada penjimatan dalam peruntukan subsidi tersebut," katanya pada Rabu.

Menjelas lanjut, Ahmed Razman berkata jumlah peruntukan subsidi yang telah disebut oleh Perdana Menteri sebanyak RM81 bilion dilihat terlalu tinggi dan ia

membebaskan perbelanjaan tahunan kerajaan yang boleh dimanfaatkan untuk perkara lain.

"Sehingga kini kerajaan menanggung subsidi pukat lebih RM80 bilion bagi bahan api RON 95, diesel, gas petroleum cecair (LPG) dan elektrik.

"Secara adilnya, peruntukan setiap tahun untuk subsidi tidak harus melebihi RM60 bilion dan sektor yang harus diberi subsidi ialah makanan asas dan kos utiliti kerana ia melibatkan keseluruhan rakyat," katanya.

Ahmed Razman berkata pelaksanaan subsidi bersasar ini akan memberikan faedah kepada kerajaan namun pada masa sama dua kelas daripada golongan masyarakat dalam negara T20 dan M40 terpaksa menyerap perbelanjaan yang sebelum ini turut dinikmati bersama dengan golongan lain.

"Kemungkinan kerajaan akan memperkenalkan definisi baharu untuk isi rumah supaya M40 yang duduk di bandar, mempunyai ramai ahli keluarga dan tanggungan yang tinggi, akan masih lagi layak menerima bantuan subsidi dari kerajaan," katanya.

Jelas Ahmed Razman, pendefinisian semula adalah

penting supaya golongan M40 yang sebelum ini sering menzahirkan keluhan kerana terpaksa membayar cukai dan pada masa sama tidak layak menerima bantuan daripada kerajaan dapat dibantu dan ia akan berterusan dalam Belanjawan 2024 pada Jumaat.

Ahmed Razman berkata bagi mengelakkan penyaluran subsidi bersasar bermasalah serta bagi menangani kebocoran beliau mencadangkan agar satu kaedah sesuai dengan menggunakan platform sedia ada seperti MyKad, MySejahtera dan *e-wallet* yang dihubungkan dengan Pangkalan Data Utama (PADU)

PADU adalah sebuah sistem yang menggabungkan lebih 200 pangkalan data setiap kerajaan untuk menyelaras pengumpulan maklumat negara secara berpusat, bersepadu dan senada yang akan mula berfungsi pada Januari 2024.

Sementara itu, Ahmed Razman berkata masyarakat perlu dididik dan diberi kefahaman mengenai rasionalisasi subsidi kerana ia adalah keperluan kepada kerajaan masa kini dalam membendung peningkatan subsidi setiap tahun.

"Pendidikan kewangan perlu sentiasa diberikan dan pada masa

sama rakyat akan memahami rasionalisasi subsidi dan memberi sokongan kepada segala inisiatif kerajaan," katanya.

Dalam pada itu, menurut Ketua Penyelidik Insitut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), **Dr Shankaran Nambiar**, matlamat utama kerajaan memperkenalkan subsidi bersasar ialah menjimatkan kos perbelanjaan kerajaan. Melalui pelaksanaan rasionalisasi berkenaan, terdapat rakyat yang mungkin terkecuali daripada kelayakan mendapat subsidi.

"Justeru itu, bagi mengelak rakyat tercicir mendapat bantuan, kerajaan perlu menilai setiap pendapatan boleh belanja bersih setiap individu di setiap daerah disebabkan faktor tertentu yang membezakan jumlah perbelanjaan bulanan.

"Penilaian tersebut mestilah berpandukan pendapatan boleh belanja bersih isi rumah dan ia tidak mungkin dapat memberi gambaran sebenar kehidupan seseorang jika definisi isi rumah itu terhad kepada suami, isteri dan tanggungan semata-mata.

"Perbelanjaan bersih juga perlu ambil kira pembayaran pinjaman isi rumah, termasuk kos

keperluan asas, selain makanan seperti kos pengangkutan dan tol untuk mendapat jumlah pendapatan bersih," katanya.

Terdahulu, media melaporkan, subsidi dikeluarkan kerajaan untuk rakyat di seluruh negara termasuk elektrik, minyak dan makanan dijangka mencecah RM81 bilion tahun ini, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata walaupun angka itu dilihat tinggi, mengurangkan jumlah subsidi itu tanpa melihat kepada keperluan rakyat bukan satu pilihan kepada kerajaan bagi memastikan rakyat tidak terbeban terutama dengan kos sara hidup masa kini.

Justeru, katanya rasionalisasi subsidi yang sedang dilaksanakan kerajaan kini adalah penting dalam memastikan rakyat dapat dibantu dan ekonomi negara sentiasa kekal ampuh.

"Subsidi ini campur tangan kerajaan untuk kurangkan beban rakyat. Subsidi untuk ayam dan telur pula RM3.8 bilion, tetapi kurangkan subsidi bukan pilihan kerana ia membebaskan rakyat jadi perlu dasar lebih ampuh kurangkan (subsidi) iaitu rasionalisasi subsidi.

"Dengan jumlah subsidi (tinggi) tidak ada negara mampu bertahan, dan ada yang kurangkan," katanya.

WK



RAZMAN



NAMBIAR

Ubah mentaliti bergantung harap pada subsidi - PPIM

SUBSIDI negara yang dianggarkan berjumlah RM81 bilion menjelang hujung tahun ini adalah satu jumlah yang besar.

Jika kerajaan mampu mengurangkan dana subsidi banyak perkara yang bermanfaat untuk pembangunan negara dapat dilaksanakan hasil daripada dana itu.

Negara perlu satu anjakan paradigma dalam memenuhi keperluan golongan berpendapatan rendah dalam memastikan ekonomi serta sumber pendapatan negara terus mampan dan maju.




NADZIM

Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), **Datuk Nadzim Johan** berkata masyarakat perlu dididik untuk tidak terlalu mengharapkan bantuan daripada kerajaan.

Tambah beliau, subsidi untuk jangka masa pendek tidak mengapa namun ia boleh merugikan negara jika ia adalah satu penyelesaian jangka masa panjang.

"Kita perlu ubah mentaliti untuk



tidak terlalu mengharapkan subsidi daripada kerajaan semata-mata, perlu mengambil inisiatif mengubah pendirian itu.

"Perubahan perlu dilakukan mulai sekarang, jika subsidi adalah penyelesaian atau bantuan jangka masa pendek bolehlah, namun bukan satu perancangan bantuan

jangka masa panjang kerana ia akan merugikan negara," katanya kepada *Wilayahku* baru-baru ini.

Menurut beliau, sebagai contoh nilai subsidi minyak petrol jika dikurangkan, maka dana tersebut boleh digunakan untuk manfaat kepada rakyat yang lain.

"Sebagai contoh, nilai subsidi

petrol kira-kira RM50 bilion setahun, jika ia dikurangkan sehingga RM20 bilion setahun, banyak manfaat yang boleh digunakan untuk wang RM30 bilion itu.

"Boleh majukan tanah, sumbang kepada pertanian, bantu nelayan-nelayan, banyak lagi, yang

mungkin membantu meningkatkan ekonomi negara untuk terus berkembang, malah ia juga boleh mewujudkan peluang pekerjaan," jelasnya.

Tegas beliau, kerajaan juga harus meneliti untuk cuba mengurangkan subsidi-subsidi yang mempunyai nilai yang besar, malah masalah ketirisan juga mampu dielakkan.

"Dalam pada masa sama, kerajaan harus teliti bagi mengurangkan dana subsidi yang tinggi nilainya.

"Malahan, masalah ketirisan juga dapat dielakkan dengan cara ini, sekali gus menambah pendapatan negara," ujarnya.

Katanya, pemberian subsidi bersasar juga adalah satu langkah terbaik bagi membantu golongan-golongan berpendapatan rendah demi kelangsungan hidup mereka.

"Pada dasarnya, subsidi dilaksanakan untuk membantu golongan berpendapatan rendah, tidak salah jika dilaksanakan bersasar khas buat mereka demi kelangsungan hidup," katanya.

Nadzim turut menyatakan rakyat perlu bantu negara di dalam keadaan ekonomi yang mencabar sebelum kerajaan mampu untuk membantu kita semua. WK

Henti fitnah PM sokong Israel, Anwar tegas bersama Palestin

BARU-BARU ini tular kembali dakwaan kononnya Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyokong Israel.

Dakwaan tersebut mengatakan, pada tahun 2012, Duta Palestin ke Malaysia, Abdelaziz Abughouth pernah terkejut dan berasa pelik dengan kenyataan Anwar bahawa beliau menyokong penuh usaha melindungi keselamatan Israel.

Berikutan tular semula video tersebut dalam media sosial, ramai netizen mula mempertikaikan pendirian Anwar dalam isu Palestin.

Menjengah ke ruangan komen, rata-rata pengikut meninggalkan pelbagai respons terhadap hantaran tersebut. Malah tidak kurang juga yang mengutuk dengan tindakan Perdana Menteri.

Sejujurnya *Wilayahku* tidak faham kenapa ada sahaja pihak yang cuba untuk memfitnah Anwar sedangkan beliau menegaskan Malaysia komited untuk memperjuangkan isu kesejahteraan rakyat Palestin di persada antarabangsa.

Perkara itu ditegaskan oleh Anwar menerusi laman X susulan perbualan beliau melalui panggilan video bersama pemimpin Hamas,



ANWAR (tengah) ketika pertemuan dengan wakil-wakil badan bukan kerajaan (NGO) di Parlimen pada Selasa. - Foto: FB Anwar Ibrahim

yang menyatakan pendirian Malaysia untuk bersama Palestin.

Bukan itu sahaja, PM dan Presiden Turkiye, Recep Tayyip Erdogan juga telah mengadakan perbincangan mengenai perkembangan terkini melibatkan Palestin dan Israel.

Anwar menerusi catatan di X turut memaklumkan, perbincangan itu diadakan menerusi perbualan

telefon.

“Kami menyentuh mengenai perkembangan terkini melibatkan Palestin dan Israel,” menurut catatan itu.

Cukup-cukuplah siarkan video atau apa sahaja bahan yang boleh mengundang fitnah dan seterusnya mencetuskan perbalahan. Saat ini sepatutnya kita menadahkan tangan dan bersyukur dengan negara kita

yang aman dan damai ini.

Sepatutnya di saat ini, kita bersama-sama berganding bahu membantu rakyat Palestin. Jika tidak mampu dengan wang ringgit, cukuplah mengangkat tangan berdoa agar Allah SWT memudahkan urusan mereka.

Terdahulu, pertempuran terkini di Palestin yang melibatkan Hamas, pihak berkuasa di Gaza dan rejim Israel sejak 7 Oktober lalu telah mengakibatkan kehilangan ratusan nyawa.

Untuk itu, kerajaan telah mengumumkan akan menyalurkan dana RM1 juta serta-merta kepada tabung Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin (AAKRP) yang dikendalikan Kementerian Luar, susulan konflik keganasan dan pertempuran di Semenanjung Gaza ketika ini.

Sebelum ini, Anwar menegaskan, Malaysia kekal bersolidariti dengan perjuangan rakyat Palestin.

Pada masa sama, Ahli Parlimen Tambun itu turut menyelar masyarakat antarabangsa yang secara berterusan mengambil tindakan berat sebelah terkait segala bentuk kekejaman dan penindasan terhadap rakyat Palestin. **WK**

Kecoh mata wang jatuh, ini usaha kerajaan

KECOH dan menjadi perbualan masyarakat, apabila mata wang Malaysia dikatakan paling lemah di Asia.

Mulalah ada pihak yang menuduh kononnya Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak pandai mentadbir kewangan negara sehingga menyebabkan nilai mata wang jatuh merudum.

Mungkin ramai yang tidak tahu, sebenarnya prestasi mata wang ringgit pada tahun ini sebahagian besarnya didorong oleh faktor luaran seperti pengukuhan dolar Amerika Syarikat (AS) yang mendadak berikutan kadar faedah AS yang lebih tinggi serta keadaan ekonomi China yang lebih lemah daripada jangkaan.

Oleh itu, kebanyakan mata wang dunia, bukan Malaysia sahaja, telah mengalami penurunan nilai bagi tahun 2023 dan penyusutan nilai ringgit adalah berikutan tindakan Rizab Persekutuan AS yang menaikkan kadar faedah.

Jelas bukan? Sepatutnya kalau kita tidak tahu tentang hal seperti ini, perlu kaji dahulu sebelum sewenang-wenangnya berkata-kata sebab akan nampak ‘tidak cerdas’ itu.

Sementara itu, kerajaan melalui Bank Negara Malaysia (BNM) juga telah melaksanakan langkah-langkah jangka masa pendek bagi memastikan pelarasan ringgit berada dalam keadaan teratur.

Anwar berkata untuk menangani

kemeruapan (*volatility*) pasaran pertukaran asing, BNM akan terus menguruskan risiko-risiko daripada perkembangan domestik dan luaran serta bersedia untuk menggunakan instrumen dasar operasinya bagi memastikan keadaan pasaran yang teratur.

“Beberapa langkah diambil oleh Bank Negara, umpamanya menetapkan eksport itu dengan ringgit. Manakala dalam beberapa persidangan saya berbincang dengan negara China dan juga di

ASEAN di Jakarta meminta supaya kita menggunakan nilai mata wang tempatan untuk berdagang.

“Menerusi inisiatif Rangka Kerja Penyelesaian Mata Wang Tempatan (LCSF), Malaysia mempunyai pengaturan LCSF bersama Indonesia dan Thailand.

“Malaysia juga antara negara pertama yang memeterai perjanjian pengaturan mata wang dengan People’s Bank of China (PBC) pada 2009,” ujar Anwar.

Dalam pada itu, beliau

menjelaskan bahawa perjanjian itu memudahkan lagi penggunaan mata wang renminbi dan ringgit bagi tujuan pembayaran perdagangan dan pelaburan di antara China dan Malaysia.

Selain itu, Perdana Menteri mengakui untuk menghentikan sepenuhnya penggunaan dolar AS secara mendesak dalam perdagangan ketika ini adalah sukar, namun Malaysia lebih aktif dan agresif menekankan keperluan kegunaan mata wang tempatan. **WK**



KERAJAAN melalui BNM melaksanakan pelbagai langkah bagi memastikan keadaan pasaran teratur.

MENARIK DI WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

31/8-31/10/23: Pameran Malaysia Tanah Airku @ Muzium Negara

14/10/23: Pentas Seni Merdeka @ Dataran Merdeka

20-22/10/23: Festival Seni Hidup @ Lalaport Bukit Bintang

3-5/11/23: Inspitari 2023 @ MaTIC KL

PUTRAJAYA



13-15/10/23: Hari Sukan Negara @ Dataran Putrajaya

14/10/23: Hari Rekreasi Putrajaya @ Anjung Floria

14/10/23: Singgah Seni 4 @ Dataran Putrajaya

14/10/23: Kejohanan Stacking @ Dewan Podium, KBS

21-22/10/23: Putrajaya Aquafest 2023 @ KOSA Presint 6

22/10/23: Garmin Run Asia Series 2023 – Malaysia @ Dataran Putrajaya Score Sports Management Sdn Bhd

LABUAN



Oktober 2023: Kejohanan Silat Tanding & Seni Usia Dini Terbuka Labuan @ Dewan Arena Labuan

14/10/23: Hari Sukan Negara @ Kompleks Sukan Laut Labuan

15/10/23: Tour de Labuan @ Desa Tunas Hijau Labuan

14-15/10/23: Ekspresi Borneo 2023 @ Desa Tunas Hijau

21/10/23: Pertandingan Fast Typing @ PEDi Kg Sg Labu

Gunakan Aplikasi CHECK YOUR LABEL



Aplikasi ini memudahkan pengguna menyemak kesahihan Label MCMC yang ada pada peranti pintar mereka.

Aplikasi ini adalah salah satu kempen untuk mewujudkan kesedaran dikalangan pengguna tentang pentingnya membeli peralatan komunikasi yang mempunyai Label MCMC yang sah.

Oleh itu, pengguna digalakkan untuk menyemak kesahihan label MCMC dengan memastikan maklumat pemerakuan peranti komunikasi yang ingin dibeli dengan menggunakan aplikasi *Check your Label* yang boleh dimuat turun secara percuma dari Google Play untuk pengguna Android atau Apple AppStore untuk pengguna peranti IOS

LANGKAH MUDAH UNTUK CHECK LABEL MCMC

1. Muat turun aplikasi  di:



2. Masukkan nombor imej atau nombor siri peralatan komunikasi anda untuk menyemak status pemerakuan.

CONTOH

IMEI: 012345678912345





KAMARULZAMAN (tiga dari kanan) merasmikan pembukaan Jalan Sambungan Taman Dato' Senu 3 ke Jalan Kg Bandar Dalam Sentul pada Sabtu.

Jalan sambungan dibuka, penantian selama dua tahun berakhir

HAZIRAH HALIM

PEMBUKAAN jalan sambungan Taman Dato' Senu 3 ke Jalan Kg Bandar Dalam Sentul merupakan salah satu langkah yang diambil Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi menyempurnakan kesesakan trafik pada laluan keluar-masuk di kawasan berkenaan.

Laluan keluar-masuk itu meliputi Taman Dato' Senu, Bandar Sentul Utama, Sentul Impian, Sentul Garden, Taman Sentul Jaya dan Taman Pelangi.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Sr Kamarulzaman Mat

Salleh yakin bahawa jalan sepanjang 130 meter tersebut mampu mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas setempat dan kesesakan trafik pada jalan keluar-masuk berkenaan.

"Jalan-jalan tersebut merupakan jalan pintas yang menghubungkan Lebuhraya DUKE yang boleh meningkatkan masa perjalanan kepada 30 minit terutama pada waktu puncak seperti awal pagi dan waktu petang," katanya ketika merasmikan pembukaan jalan sambungan berkenaan pada Sabtu.

Dalam pada itu, Kamarulzaman berkata jalan pintasan ini melibatkan kos binaan sebanyak

RM8.5 juta bagi kerja-kerja pembinaan fizikal dan kos pengambilan balik tanah.

Sementara itu, Ahli Parlimen Batu, P.Prabakaran berkata pembukaan jalan sambungan berkenaan juga menamatkan penantian penduduk selama dua tahun untuk mendapatkan kemudahan tersebut sekali gus dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan berkenaan.

Beliau berkata laluan sepanjang 130 meter itu bakal memberi manfaat kepada lebih 50,000 penduduk sekitar.

"Sebelum ini, kami pernah mendesak DBKL supaya

pembinaan jalan sambungan terbabit dipercepatkan.

"Apabila jalan sambungan ini dibuka, ia dapat mengurangkan kesesakan trafik kepada pengguna yang melalui jalan Taman Dato' Senu sebagai akses ke pusat bandar dan Batu Muda," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian dan pembukaan jalan sambungan berkenaan.

Terdahulu, Projek Jalan Sambungan Taman Dato' Senu 3 ke Jalan Kg Bandar Dalam Sentul adalah antara tanggungjawab sosial korporat daripada Kumpulan Melati Ehsan dengan kerjasama DBKL.

WK

ANDA BERBAKAT MENULIS BERITA?

Hantarkan sebarang berita menarik yang berlaku di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya atau Labuan.

Berita yang dihantar mestilah disertakan dengan foto atau rakaman video.

Berita dan gambar/video yang terpilih akan disiarkan di akhbar dan platform media sosial Wilayahku.

Setiap kandungan yang tersiar akan menerima bayaran sugu hati dan berpeluang menjadi Wartawan Komuniti (WK) Wilayahku.

Pastikan kiriman anda adalah asli dan tidak pernah disiarkan di mana-mana platform media lain.

Hantarkan kepada:

editorwilayahku@gmail.com



CERITA KEDAI KOPI

Awat trak tunda

PERNAH mengalami situasi cemas terlibat dalam kemalangan jalan raya? Tiada siapa yang mahu terlibat tetapi ada masa kemalangan terjadi juga. Kadangkala bukan kerana kesilapan sendiri tetapi akibat kecuai orang lain.

Proses selepas kemalangan agak renyah. Perlu membuat laporan polis dan kemudian mengemukakan tuntutan kepada syarikat insurans jika ia kemalangan serius yang menyebabkan kenderaan rosak teruk.

Tuntutan perlu dibuat untuk menampung kos baik pulih kenderaan. Dengan itu bermakna 'bonus tidak dituntut' (NCB) juga 'hangus', kecuai jika mengeluarkan belanja sendiri untuk baik pulih. Namun jika melibatkan kos tinggi cara terbaik ialah membuat tuntutan insurans.

Apabila NCB hangus, bermakna tiada lagi diskaun untuk bayaran insurans akan datang. Premium akan kembali pada asal menurut nilai kereta yang diinsuranskan sehinggalah sekurang-kurangnya setahun lagi, itu pun jika tiada tuntutan lain.

Namun satu perkara yang ingin kawan-

kawan Kedai Kopi tekankan ialah keadaan yang kerap berlaku di lokasi kemalangan. Sudahlah yang terlibat dalam keadaan panik, mereka bertambah trauma apabila muncul trak tunda atau *tow truck* daripada dua tiga syarikat berebut untuk menunda kenderaan ke bengkel.

Kawan-kawan Kedai Kopi hairan juga bagaimana syarikat kereta tunda ini begitu pantas mencium kemalangan yang berlaku. Dalam tempoh waktu yang singkat mereka sudah sampai ke lokasi. Masing-masing menawarkan untuk menunda sehingga tambah memeningkan kepala mangsa yang terlibat kemalangan.

Dalam keadaan berebut ini boleh menyebabkan berlaku pertikaman lidah antara pengendali *tow truck*. Masing-masing mendakwa traknya lebih berhak, terutama yang pertama sampai ke lokasi kemalangan. Kawan-kawan Kedai Kopi sendiri pernah mengalami situasi ini.

Yang sangat membimbangkan ialah apabila keadaan tidak terkawal pertikaman lidah membawa kepada pergaduhan melibatkan fizikal, malah senjata sehingga menyebabkan kecederaan. Perbuatan ini turut mengganggu ketenteraman awam.

Baru-baru ini dalam satu peristiwa di Kampung Malaysia Tambahan, Cheras, dua puak trak tunda bergaduh kerana berebut menunda kenderaan. Polis bertindak menahan

20 individu yang terlibat. Ini hanya satu contoh. Kejadian sama mungkin berlaku di banyak tempat lain.

Biasanya setiap syarikat insurans menyediakan khidmat trak tunda jika berlaku kemalangan atau kerosakan kepada kenderaan pelanggan. Nasihat kawan-kawan Kedai Kopi kepada para pemandu ialah hubungi syarikat insurans untuk dapatkan bantuan. Itu lebih selamat.

Jangan mudah terpengaruh atau bingung dengan tingkah laku pemilik trak tunda yang sampai ke lokasi. Tenangkan diri dan maklumkan kepada mereka secara baik bahawa anda sudah ada trak tunda sendiri dan sedang menunggu kedatangannya.

Biasanya pengendali trak akan faham dan berlalu. Tidak perlu layan lagi jika mereka masih terus memujuk. Elak bertegang urat dengan mereka kerana ada masa pengendali trak tunda ini pun menjadi bengis apabila gagal dapat kerja menunda.

Terkenang Shahrums Yob

MUZIUM Negara di ibu kota Kuala Lumpur sudah berusia enam dekad. Ia berdiri megah sebagai sebuah muzium nasional yang menjadi kebanggaan negara sebagai penyimpan pelbagai warisan budaya serta warisan alam semula jadi negara.

Muzium yang mula dibina pada tahun 1969 ini dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong ketiga, Tuanku Syed Putra Syed Hassan Jamalullail pada 31 Ogos 1963, sempena ulang tahun kelima kemerdekaan negara. Ia juga antara tarikan utama pelancong.

Sempena usia enam dekad ini, Muzium Negara mengingatkan kawan-kawan Kedai Kopi kepada bekas ketua pengarah, Allahyarham Datuk Shahrums Yob, yang sangat kreatif dan berdedikasi mentadbir muzium. Beliau merupakan seorang tokoh yang popular.

Allahyarham yang mula bertugas dengan muzium tersebut pada 1966 merupakan rakyat Malaysia pertama dilantik Ketua Pengarah Muzium pada 1972 hingga bersara daripada perkhidmatan awam pada 1991. Beliau meninggal pada 2016.

Kawan-kawan Kedai Kopi percaya ramai sudah mengunjungi muzium yang telah diiktiraf sebagai bangunan warisan kebangsaan pada 11 Ogos 2015. Ini merupakan perakuan mengenai keistimewaan dan kehebatan muzium tersebut.

Pelbagai khazanah budaya dan warisan serta alam semula jadi yang diabadikan dalam muzium ini bukan sahaja untuk tatapan generasi sekarang dan akan datang tetapi juga sebagai sumber ilmu yang sangat berguna. Pelbagai perkara dapat dipelajari dan ilmu dapat ditimba dengan mengunjungi Muzium Negara.

Penyair Nusantara bertemu di Kuala Lumpur



KU SEMAN KU HUSSAIN
Wartawan Bebas

SASTERA dan kesusasteraan adalah mengenai manusia dan peradaban. Biarlah sesetengah pihak yang perfikiran jumud yang menganggap sastera hanya untuk khalayak sastera. Atau lebih malang lagi sastera penuh dengan khayalnya dan tidak berpijak di alam nyata.

Bagaimanapun kita mahu pembuat dan pelaksana dasar memahami bahawa sastera juga berperanan seperti politik untuk membawa kesejahteraan dalam kehidupan masyarakat. Bagaimanapun politik yang dalamnya ada berbagai-bagai habuan terutama kuasa menjadikan matlamat untuk kesejahteraan tinggal secebis sahaja daripada tujuan asalnya.

Memang tidak benar sama sekali tanggapan bahawa sastera hanya untuk sasterawan, orang sastera atau peminat sastera. Hal itu boleh dianggap pandangan yang tidak merdeka. Bagaimanapun pemikiran yang seperti dan datang daripada entah siapa-siapa, tidak perlu dilayan dengan berlebihan.

Birokrat dan penggiat sastera mempunyai tugas lain yang lebih mendesak. Malah tidak semua perkara perlu dilayan atau diberikan reaksi, sesetengah daripadanya elok dibiarkan luput dalam garis masa sahaja. Pembangunan sastera dan kesusasteraan terutama sastera Melayu perlu merentas hal-hal yang cetek dan remah itu.

Bermula hari ini (Jumaat 13 Oktober) hingga 15 Oktober, Kuala Lumpur menjadi tuan rumah pertemuan sasterawan dari seluruh Nusantara. Program yang berlangsung tiga hari itu pada satu sudut lain boleh dilihat membantu meletakkan Kuala Lumpur sebagai kota yang mesra seni dan sastera serta tidak lupa pada agenda pembangunan peradaban.

PPN 12 ini menambah satu lagi acara kesusasteraan yang bertaraf antarabangsa di Kuala Lumpur. Sudah banyak kali acara yang mempertemukan seniman dan sasterawan di rantau sebelah sini malah yang disertai oleh negara seperti Amerika Syarikat (AS), Eropah dan Asia Barat. Semua itu memperkukuh keberadaan Kuala Lumpur sebagai kota yang mengunghakapkan pemikiran dan jiwa melalui kesusasteraan.

Pertemuan Penyair Nusantara XII (PPN 12) yang diadakan di



Kuala Lumpur merupakan kota yang mengunghakapkan pemikiran dan jiwa melalui kesusasteraan. - Gambar hiasan

Hotel Campbell Kuala Lumpur harus diraikan oleh semua, terutamanya sasterawan dan peminat sastera. Ini kerana program itu menyumbang mengimbangkan antara kepesatan prasarana, bangunan yang mencakar awan serta teknologi dengan hal-hal yang mempunyai hubungan dengan manusia.

Kemajuan atau kemodenan tidak dimusuhi, bagaimanapun perlu diimbangi dengan keperluan-keperluan manusia yang menjadi warganya. Nilai-nilai yang bersifat manusia itu tidak harus terpinggir dalam kepesatan fizikal di sesebuah kota. Di situlah kedudukannya program seperti PPN 12 yang meletakkan sastera dalam pembangunan rakyatnya.

PPN 12 dianjurkan oleh Persatuan Penulis Nasional (PENA) dengan kerjasama Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Turut mendapat sokongan pihak korporat, Shapadu Group. Hotel Campbell yang menjadi tempat berlangsungnya pertemuan penyair ini adalah milik Shapadu Group.

Disertai oleh 210 peserta sebahagian besarnya penyair besar dari Malaysia, Indonesia, Thailand, Singapura dan Brunei. Dari Indonesia penyertaan datang dari beberapa wilayah dan kota yang dianggap telah mewakili Indonesia secara keseluruhannya. Beberapa nama besar dari Nusantara bertemu dan merangka garis depan yang jelas mengenai peranan kesusasteraan dalam cabaran baharu masa kini.

Hala tuju pertemuan penyair Nusantara ini juga dibawa membincangkan hal-hal yang bersifat rentas wilayah. Tidak melihat permasalahan dan kemajuan secara berpecah-pecah mengikut negara masing-masing. Sebaliknya melihat daripada ruang litup yang luas dan merentas Nusantara.

Malah program ini realistik dengan perubahan dalam

bidang teknologi digital yang secara langsung perlu didepani oleh masyarakat sasterawan di Nusantara. Misalnya penghakisan nilai jati diri yang terkesan oleh teknologi terutama komunikasi menjadi hal yang mesti dihadapi secara bersama dan bijak.

Masyarakat di kota besar seperti Kuala Lumpur misalnya tidak terkecuali daripada rempuhan digital yang membawa kemudahan komunikasi selain menjadikan 'planet' ini begitu kecil. Ini sebahagian daripada matlamat globalisasi untuk memadamkan garis budaya antara wilayah dan negara. Semuanya di atas 'planet' ini dihimpun menjadi satu kampung global yang besar.

Itulah yang dirancang dan dilaksanakan oleh kuasa besar. Kekuatan dan kesepaduan dalam bidang-bidang seperti kesusasteraan antara yang menjadi penampan – atau setidaknya tidaknya memperlahankan rempuhan itu. Persoalan yang sedemikian adalah antara yang menjadi tumpuan dalam pertemuan penyair Nusantara ini.

Presiden PENA, Dr Saleeh Rahamad berkata skop perbincangan dalam program ini mengambil kira perkembangan semasa dan kemungkinan-kemungkinan pada masa depan. Terutama sekali yang berkaitan dengan situasi politik, kemajuan teknologi yang memberikan kesan secara langsung atau tidak langsung kepada masyarakat.

"Puisi khususnya dan sastera amnya perlu diletakkan dalam ruang awam dan bertanggungjawab membahaskan hal-hal yang berkaitan kehidupan masyarakat, ia tidak wajar terkepung dalam gelanggang seni semata-mata," kata Dr Saleeh dipetik sebagai berkata kepada portal *Kayang Post*.

Beliau menambah, pemencilan sastera daripada ruang awam boleh menyebabkan masyarakat meminggir atau menjauhkan diri



Dr Saleeh Rahamad

daripada sastera. Masyarakat mengunghakapkan itu suatu yang sia-sia kerana jauh daripada keperluan hidup mereka. Sedangkan hakikatnya sastera saling bertimbal balik dengan masyarakat.

Mengenai PPN XII yang bersifat serantau dan merentas garis geopolitik dan diplomatik, Dr Saleeh menegaskan bahawa, konsep kewilayahan yang melangkaui sempadan geopolitik perlu diberi perhatian dalam kalangan sasterawan. Ini bertujuan mengangkat martabat sastera dan sekali gus menarik perhatian pemegang punca kuasa.

"Kami di PENA berharap para pembicara yang diundang dapat menterjemahkan hasrat ini berdasarkan tema perbincangan yang diberikan kepada mereka. Hal itu penting sebagai landasan untuk mereka berfikir sebagai satu entiti penting dalam pembinaan wilayah Nusantara yang pekat persaudaraannya," jelas Dr Saleeh lagi.

Sasaran perhimpunan kepada dua golongan, pertama kepada golongan sasterawan supaya dapat berperanan pembentuk fikiran kolektif, membina masyarakat dan seterusnya negara.

Pertemuan ini juga menyasarkan golongan di luar dunia sastera antaranya pemegang punca kuasa supaya memiliki iltizam politik untuk mengangkat kepentingan sastera dalam pembinaan peradaban bangsa. Hal itu kerana sastera sewajarnya menjadi teras dalam politik, ekonomi, pendidikan dan setiap sudut kehidupan.

Antara penyair yang mengambil bahagian dalam pembentangan kertas kerja adalah Zefri Arif (Brunei), Isbedy Stiawan (Indonesia), Dr Shamsuddin Othman (Malaysia), Roslan Madun (Malaysia), SM Zakir (Malaysia), A Razak Panamalee (Thailand), Saifullizan Yahaya (Malaysia), Dr Morsidi Haji Muhammad (Brunei), Dr Norhayati Ad Rahman

(Malaysia), Hartinah Ahmad (Singapura), Ratna Ayu Budhiarti (Indonesia) dan Mahroso Doloh (Thailand).

PPN XII dirasmikan malam ini oleh Menteri Luar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir di Dewan Sivik Petaling Jaya. Kemudian diteruskan dengan acara Baca Puisi Nusantara 1. Acara Baca Puisi Nusantara 11 diadakan di DBP pada malam esok (14 Oktober) pukul 8.30 malam.

Ucuptama bertajuk Peranan Puisi Dalam Pergolakan disampaikan oleh Sasterawan Negara, Datuk Dr Anwar Ridhwan dan sasterawan Maman S Mahayana dari Indonesia. Ketua Pengarah DBP, Dr Hazami Jahari menyampaikan syarahan umum, Ruang Hidup Puisi Nusantara.

Isu-isu yang dibangkitkan dan dibincangkan dalam pertemuan kali ini diharap menjadi perkara penting dan mendasar dalam pemikiran segenap sasterawan di Nusantara. Kebersatuan sasterawan di Nusantara perlu dizahirkan dengan kedudukan sastera yang tinggi dan penting di negara masing-masing.

Sajak

JEREBU DI KOTA

*Jerebu di dada kota
samar dan kelabu di jalan raya*

*meneruskan perjalanan
asap dari kenderaan
menjejas jarak penglihatan*

*melindungi diri dari
jerebu yang terbuka
menggunakan topeng muka
menapis udara yang beracun
dari terus meresap ke dada!*

ISMAIL HASHIM
Warisan Puteri, Negeri Sembilan.

t.me/wilayahku

SERTAI SALURAN TELEGRAM

WILAYAHKU

UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!

Tabung Kebajikan dan Pelajaran YWP

Menyumbang sambil berhibur dalam konsert M Nasir

HAZIRAH HALIM

BUAT julung kalinya, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) menawarkan tiket ke Konsert Gendang Pati Datuk M Nasir yang akan berlangsung pada 18 November di Plenary Hall, Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur.

Menurut Eksekutif Kanan Jabatan Komunikasi Strategik dan IT YWP, **Zaleha Dullah**, mana-mana pihak, syarikat mahupun badan bukan kerajaan (NGO) yang menyumbang sebanyak RM10,000 dan ke atas ke Tabung Kebajikan dan Pelajaran YWP akan berpeluang mendapatkan tiket tersebut.

“Mereka akan diberi tiket konsert selain resit pelepasan cukai, promosi jenama di dalam media sosial YWP, media sosial akhbar *Wilayahku* (anak Syarikat YWP) selain cenderamata dan sijil penghargaan.

“Lebih menarik, penyumbang juga akan dijemput untuk menghadiri sesi penyampaian sumbangan YWP serta berpeluang bertemu M Nasir dalam sesi *meet and greet* pada konsert tersebut,”

katanya kepada *Wilayahku*.

Tambahnya, tawaran tiket ini dibuka pada 3 sehingga 25 Oktober ini.

“Kepada sesiapa yang berminat, boleh hubungi Penolong Pengurus Operasi dan Pemasaran YWP Media, Sabrina Nordin di talian **019-375 2308** atau Zaleha (**019-881 8780**).

“Jika mereka bersetuju untuk menjadi penyumbang, mereka akan diberi surat persetujuan serta pengesahan selain diberi penjelasan mengenai kaedah pembayaran,” katanya lagi.

Zaleha berkata ini merupakan promosi pertama dan julung kalinya diadakan oleh YWP di mana ia terbuka bukan sahaja kepada warga kota di Wilayah Persekutuan malah seluruh rakyat Malaysia.

“Antara objektif kami adalah untuk menjemput individu

dan syarikat korporat untuk bersama-sama membantu golongan yang kurang berkemampuan di Wilayah Persekutuan menerusi Tabung Kebajikan dan Pelajaran YWP.

“Ramai dalam kalangan rakyat

Malaysia khususnya di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan yang masih bergelut untuk meneruskan kelangsungan hidup,” ujarnya lagi.

Terdahulu, YWP berperanan menaik taraf kehidupan golongan



Info ADUAN

DBKL
Tel : 03-2617 9000

Perbadanan Putrajaya
Tel : 03-8887 7000
Aduan : 03-8887 3000

Perbadanan Labuan
Tel : 087-408600
Aduan : 087-408852

Jabatan Agama Islam KL
03-2274 9333

Jabatan Agama Islam Putrajaya
03-8884 2600

Jabatan Agama Islam Labuan
087-415 311

Wilayahku
WhatsApp
: 011-5958 7489

misikn dan tidak berkemampuan di sekitar Wilayah Persekutuan sejajar dengan lima fokus utama iaitu Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T).

Sepanjang lima tahun kebelakangan ini, YWP telah membelanjakan tabungannya mencecah lebih RM100 juta melalui pelbagai bentuk program kebajikan melibatkan pelbagai lapisan masyarakat terdiri daripada semua kaum, khususnya ketika pandemik COVID-19. **WK**

Warga kota teruja sertai jelajah pengembaraan Passport 50WP

INISIATIF Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) menganjurkan Program Pasport 50WP bermula 1 Oktober hingga 25 Februari 2024 memberi peluang kepada orang ramai dari seluruh negara untuk meneroka 50 lokasi (*checkpoint*) bersejarah, tersembunyi (*unsung places*) dan memukau (*hidden gems*) di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Menariknya, ada di antaranya yang turut mengambil peluang ini untuk meluangkan masa bersama insan tersayang sambil bersiar-siar menikmati keindahan, keunikan dan kepelbagaian lokasi-lokasi pelancongan menarik di sekitar Wilayah Persekutuan.

Mengakui perkara itu, penjawat awam, **Mohammad Zahiruddin**, 28, berkata dia sangat teruja untuk mengikuti program tersebut dan bercadang bercuti di Labuan bersama isteri sambil mengunjungi tempat-tempat menarik di kawasan berkenaan.

“Saya baru selesai mengunjungi beberapa lokasi di Kuala Lumpur



dan Putrajaya tetapi dengan peruntukan masa pengembaraan yang panjang sehingga tahun hadapan, sempat la nanti nak habiskan,” katanya kepada *Wilayahku*.

Berkongsi pandangan mengenai inisiatif itu, Zahiruddin berkata ia merupakan langkah terbaik untuk memberi pengetahuan baharu kepada seluruh rakyat Malaysia tentang keunikan Wilayah Persekutuan.

“Melalui Pasport 50WP ini juga, ia dapat meningkatkan sektor ekopelancongan negara di samping menarik kunjungan penduduk Malaysia dari negeri lain untuk menyertai pengembaraan yang menyeronokkan ini.

“Sejujurnya, sebelum ini saya tak tahu ke ma-

na lagi ingin pergi di Wilayah Persekutuan tetapi dengan adanya program seperti ini, ternyata banyak lokasi menarik yang terdapat di sini misalnya Pusat Percetakan Al-Quran kedua terbesar di dunia, Nasyrul Quran Village,” ujarnya.

Berkongsi pandangan yang sama, **Muhammad Haiqal Badrul Hisham**, 23, berkata program tersebut membawa generasi muda mendalami sejarah dan warisan yang terdapat di sekitar Wilayah Persekutuan.

“Mungkin ada dalam kalangan generasi muda yang kurang gemar mengunjungi muzium tetapi inilah masanya untuk mereka ke sana,” ujarnya menyarankan orang ramai merebut peluang menarik tersebut.

Terdahulu, Program Pasport 50WP adalah Program *Roadmap Challenge* yang merupakan salah satu daripada pengisian utama dalam sambutan 50 tahun Wilayah Persekutuan.

Bagi anda yang ingin menyertai program ini, boleh mendapat Pasport 50WP secara percuma di *pickup point* yang tersenarai di laman sosial rasmi JWP dan memulakan pengembaraan untuk mengumpul 50 cop serta berpeluang memenangi hadiah. **WK**



ZAHIRUDDIN



HAIQAL



WK2

Bil 232 . 13 - 19 OKTOBER 2023

MEDIA WARGA KOTA
WILAYAHKU

Saya... Dari Hujung Kota, naskhah seni eksperimental





Pementasan Teater Saya... Dari Hujung Kota, impian jadi kenyataan



Foto: SHUAIB AYOB

DIANA AMIR

KEBERANIAN sasterawan negara yang ketujuh, Datuk Noordin Hassan dalam mengutarakan konsep pendramaan baru yang bersifat antirealisme iaitu drama absurd dan eksperimental telah membuka dimensi baru dalam dunia drama di Malaysia.

Penulisannya yang unik, kreatif dan prolific membuatkan pembaca perlu betul-betul mendalami dan memahami setiap mesej yang ingin disampaikan yang sering diklasifikasikan sebagai *art berat*.

Baru-baru ini menerusi Mekar Budaya dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur diadakan pementasan Teater Saya... Dari Hujung Kota bertempat di Panggung Bandaraya Kuala Lumpur.

Menurut Pengarahnya, **Marlenny Deenerwan**, 46, mementaskan karya sasterawan negara itu adalah sebuah impian yang menjadi kenyataan.

"Saya membaca Anak Tanjung

pada usia belasan tahun, ketika naskhah berkenaan menjadi teks wajib Kesusasteraan Melayu Tingkatan 6. Kemudian beberapa tahun berikutnya ketika belajar di Akademi Seni Kebangsaan, saya kemudiannya terpilih melakonkan watak Sapura daripada drama berkenaan dalam sebuah fragmen teater.

"Sempat menjalani separuh latihan sebagai watak Ratu Salbiah dalam Tiang Seri Tegak Berlima yang diarahkan oleh Allahyarham Rohani Yusof, namun tidak jadi dipentaskan. Semenjak itu, saya tidak lagi asing dengan karya-karya Noordin Hassan," ujarnya yang mesra dipanggil Lenny Erwan.

Lenny berkata bagi pementasan kali ini, dia memilih untuk mengangkat tiga buah drama Noordin Hassan yang penting iaitu Bukan Lalang Ditiup Angin, Tiang Seri Tegak Berlima dan Sirih Bertepuk Pinang Menari.

"Ketiga-tiga karya tersebut saya gabungkan dengan menggunakan tajuk memoir beliau iaitu Saya...

Dari Hujung Kota. Selain cuba meneroka dimensi akal seorang absurdis, surealis dan eksperimentalis ala Malaysia ini, saya sebenarnya menyanjung aliran fitrah yang menjadi teras dan tunjang kepada pemikiran Noordin Hassan ketika berkarya.

"Dalam pementasan ini, saya tidak meletakkan tiga buah drama ini sebagai fragmen yang dipersembah secara berasingan. Namun mereka melakukan eksperimentasi dengan menjalinkan entiti dalam ketiga-tiga drama ini menjadi satu, sebagai satu," katanya kepada *Wilayahku*.

Berkongsi mengenai naskhah yang dipersembahkan, Lenny berkata ia adalah mengenai manusia yang diberi kekayaan harta benda dan kausa tetapi terlupa kepada orang lain kerana terlalu mementingkan diri.

"Saya... Dari Hujung Kota mengisahkan tiga alam pemikiran dalam satu jalur cerita yang berkisah tentang manusia dan kemanusiaan. "Pertama mengenai Chulan

dan Ehsan yang gagah dan lemah, dilontarkan ke dunia untuk mempertahankan hak masing-masing, malangnya mereka terperangkap dalam keluh-kesah tentang guruh yang berdentum, namun apakah ia hanya bunyi lalang yang ditiup angin? Seterusnya, konflik Zahiruddin Syah dan ayahandanya Sultan Idris Bestari berkisar dalam pencarian kewujudan sirih yang bertepuk dan pinang yang menari.

"Manakala yang ketiga mengisahkan Siti Muhsinat dihantui mimpi-mimpi 'wahyu' yang memintanya menegakkan tiang seri berlima. Inilah teras kepada tiga kisah ini iaitu pencarian hidayah dan fitrah," ujarnya kotak fikir seorang absurdis, surealis dan eksperimentalis adalah sebuah representasi mental di luar konteks yang sebenar membuatkan dirinya berlegar-legar dalam dimensi interpretasi yang melawan arus logik.

Lenny berkata ia merupakan satu peluang yang berharga buat dirinya bagi mementaskan sebuah karya yang berat seperti ini.

"Bukan setiap hari kita berpeluang untuk menonton sebuah karya yang penuh dengan makna dalam penceritaan, malah bukan mudah

untuk ditafsir, kisah yang penuh dengan pendekatan fitrahnya dan pemikiran unik dari seorang tokoh yang sangat disanjung.

"Teater sebegini adalah sebuah teater yang boleh mengajar kita semua untuk berfikir dengan lebih kritis lagi dan tahu untuk menghargai sesebuah karya yang tidak mudah ditafsir dengan pemikiran yang biasa.

"Kita sebagai pihak produksi juga tidaklah mengharapkan semua penonton memahami setiap mesej yang ingin disampaikan namun cukuplah sekadar mereka berfikir sesuatu ketika melangkah keluar dari panggung. Itu juga sudah satu pencapaian buat kami di mana mereka tidak pulang dengan tangan kosong," jelasnya pementasan kali ini melibatkan hampir 40 anggota produksi.

Seramai 11 barisan pelakon telah menjalani latihan sejak 4 September lalu antaranya selebriti Jay Iswazir, penggiat teater profesional Eijat Ashari, Juhara Ayob, Farhana Fahzam, Alif Azeman, Faez Malek, Marzuki Noh, Nain Hamdan, Faris Rizal Aznan dan Melati. **WK**



MARLENNY



ANTARA babak di dalam pementasan teater Saya... Dari Hujung Kota.



EIJAT ASHARI (kiri) membawa watak sebagai pencerita.



Mekar Budaya angkat sasterawan negara

MEKAR Budaya memanfaatkan Geran Sokongan Sektor Kebudayaan (GSSK) 2023 yang diberikan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dengan mengadakan pementasan Teater Saya... Dari Hujung Kota, baru-baru ini.

Menurut Penerbitnya, **Mohd Nurul Hazirin**, 41, naskhah tersebut dipilih bagi mengangkat semula karya-karya sasterawan negara, Datuk Noordin Hassan di mana karya-karyanya sering mencuit minda penonton dan melepaskan mereka untuk mencari jawapan seterusnya.

"Selain memberi penghargaan kepada sasterawan negara, saya juga mahu beritahu penonton bahawa karya-karya seperti ini perlu dilihat, dibaca, diperhalusi dan difahami dengan lebih dalam untuk mengetahui setiap mesej serta isi hati yang hendak diluahkan oleh penulis.

"Kita faham ramai yang kurang gemar dengan naskhah berat kerana mereka datang menonton teater untuk berhibur dan bergelak ketawa namun naskhah Saya...Dari Hujung Kota ini tidak hanya menyajikan itu malah ia turut memberi satu persepsi berbeza dan baharu terhadap fitrah kehidupan," katanya yang lebih dikenali sebagai Along Hazirin.

Along Hazirin berkata naskhah yang diangkat pada kali ini lebih menasarkankan golongan pemikir dan

tidak bersesuaian dengan kanak-kanak memandangkan cerita ini perlu dilihat dengan hati dan juga akal.

"Saya boleh katakan rata-rata penonton yang hadir adalah dalam kalangan pelajar, pengkritik serta penggerak teater di mana mereka lebih memahami pementasan ini seterusnya menjadikannya bahan kajian atau tugasan pembelajaran.

"Naskhah ini juga boleh dilihat dari pelbagai sudut dan persepsi yang boleh diterjemahkan namun kita tidak mengharapkan untuk penonton betul-betul mendalami maksud sebenar cukuplah

sekadar mereka keluar daripada panggung sambil berfikir mengenai bait-bait skrip yang dilontarkan. Itu juga menunjukkan mereka dapat sesuatu daripada pementasan ini," ujarnya lokasi Panggung Bandaraya dipilih kerana ia bertepatan dengan pementasan tersebut dan kemasukan adalah percuma.

Menyedari tanggapan masyarakat yang kurang menggemari 'art berat', Along Hazirin berkata pihaknya melakukan pelbagai usaha dalam menguar-uarkan mengenai pementasan Saya...Dari Hujung Kota ini.

"Dari peringkat awal lagi, pihak Mekar Budaya sering menguar-uarkan mengenai naskhah ini menerusi media sosial, bagaimana persembahannya dan serba sedikit bentuk di atas pentas agar penonton



MOHD NURUL



TEATER ini juga mengetengahkan mengenai ketuhanan dan kerohanian.

tahu ia bukanlah sebuah naskhah yang hanya perlu dilihat daripada aspek hiburan semata-mata," jelasnya latihan telah berjalan selama sebulan.

Berkongsi mengenai perancangan Mekar Budaya pada masa akan datang, dia berkata pihaknya dalam usaha untuk mengangkat naskhah seniman negara yang dijangka akan dipersembahkan pada tahun hadapan.

"Terima kasih kepada pihak MOTAC yang telah mengeluarkan dana dalam membantu golongan penggerak teater. Ia memberi sinar kepada kumpulan teater

yang besar dan kecil. Selama dua tahun pandemik golongan seperti kami tersekat kerana tidak boleh melakukan sebarang persembahan.

"Apabila diberikan insentif seperti ini ia sebenarnya menarik lebih ramai penggerak teater untuk berkarya sekali gus memberi hiburan kecil kepada masyarakat," ujarnya.

Tambahnya, industri di Malaysia belum didominasi teater. Jadi, untuk terus mengharap dana hanya daripada kerajaan adalah sukar, penggerak teater sendiri perlu berusaha mencari.

"Kita boleh lihat kumpulan teater

indie walaupun tidak mempunyai dana yang besar tapi mereka tampil dengan inisiatif mengadakan persembahan teater dalam bilik atau studio yang sempit namun sambutan yang diterima sangat menggalakkan," ujarnya.

Untuk rekod, Mekar Budaya merupakan sebuah kumpulan kesenian yang bergerak secara aktif sejak 16 Ogos 2002 dalam aktiviti seni persembahan khususnya di Kuala Lumpur dan merupakan platform graduan seni persembahan untuk berkarya selepas menamatkan pengajian. WK

Penggiat teater perlu kreatif jual naskhah

SENI teater merupakan bidang yang kecil di Malaysia dan masih belum mampu untuk mendominasi sebagai salah satu industri di negara ini.

Pelbagai usaha perlu diperkasakan lagi oleh semua pihak bertanggungjawab dalam mengangkat seni teater ke pentas antarabangsa seterusnya mempunyai pelapis muda agar ia tidak terus mati.

Berkongsi pendapat yang sama, pelakon dan juga Pensyarah Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), **Mohd Shahrul Mizad Ashari**, 51, berkata penggiat teater perlu bergerak lebih aktif dalam menjual naskhah mereka.

"Ketika ini bagi saya teater sedang berkembang di Malaysia namun saya tidak mahu ia hanya bermusim.

"Sebagai contoh bulan Oktober para penggiat teater menerima dana, jadi hanya bulan tersebut sahaja yang dipenuhi dengan pelbagai pementasan tetapi selepas tempoh tersebut terus sunyi sepi.

"Semua pengarah teater juga perlu berfikir dan lebih bijak dalam menyusun setiap pementasan agar orang ramai dapat menikmatinya," ujarnya dalam usaha menyemarakkan seni teater, jadual pementasan yang bertindih memberikan satu kerugian.

Mohd Shahrul berkata sebagai penggiat seni teater perlu lebih kreatif dalam mencari ruang dan peluang yang ditawarkan.

"Bantuan daripada kerajaan memang telah diperuntukkan namun para pengkarya tidak boleh duduk diam dengan hanya mengharap dana semata-mata. Kalau begitu sampai bila-bila pun bidang ini masih di takuk yang sama.

"Kita sebagai pengkarya perlu pandai bergerak sendiri kerana Malaysia mempunyai banyak bakat baharu yang boleh digilap. Ramai graduan universiti dilahirkan namun ruang serta peluang yang terhad membuatkan pelapis seni teater ini terpaksa bertukar bidang. Ia satu kerugian," jelasnya kepada *Wilayahku*.

Berkongsi mengenai Karya Saya... Dari Hujung Kota, Mohd Shahrul yang dikenali sebagai Eijat berkata, membawa watak sebagai pencerita membuatkan dirinya perlu lebih bervariasi bagi setiap babak yang dipersembahkan.

"Saya sudah berpengalaman dalam pelbagai pementasan namun kali ini antara cabaran terbesar adalah dari segi penggunaan bahasa yang klasik.

"Setiap dialognya sangat puitis dan mempunyai makna yang dalam dan perlu dilontarkan dengan tepat agar penonton dapat memahami dan berfikir mengenainya," katanya sebagai pencerita, dirinya merupakan penentu bagi graf pementasan tersebut. WK



BARISAN pelakon dan produksi yang terlibat.



SHAHRUL MIZAD

Dari kedai mainan ke PHC Majestic Guitar Works



AMIN FARIJ HASAN

Getaran jiwa melanda hatiku,
Tersusun nada, irama dan lagu,
Walau hanya sederhana,
Tetapi tak mengapa,
Moga dapat membangkitkan,
Sedarlah kamu wahai insan...

BEGITULAH indahnya bait-bait lagu yang dicipta seniman agung Allahyarham Tan Sri P. Ramlee. Setiap dari kita pasti akan terbuai dengan alunan muzik, tidak kira walau apa pun genrenya ia memiliki peranan yang sangat penting dalam kehidupan sosial masyarakat.

Apabila kita bercerita tentang muzik, salah satu instrumen muzik yang banyak digunakan dan penting dalam sesebuah lagu adalah gitar kerana gitar mampu menyampaikan ekspresi unik, tersendiri dan istimewa daripada seorang gitaris ke halwa telinga pendengar. Disebabkan pengaruh instrumen magikal ini, ramai dalam kalangan masyarakat yang meminati muzik pasti memiliki gitar peribadi.

Namun ramai pemilik gitar tidak menyedari bahawa setiap gitar yang baru dibeli sebenarnya perlu dirawat dan diperbaiki agar tona bunyian

yang dihasilkan tepat, sempurna dan berkualiti. Bila segalanya sempurna, perasaan si pemain gitar akan lebih mudah terhanyut dengan emosi yang dalam sehingga mampu membuati perasaan si pendengar.

Ketika Lensa *Wilayahku* bertemu dengan **Hairey Yahya**, 44, yang menjalankan perniagaan perkhidmatan membaik pulih gitar, beliau berkata "Sebelum menjalankan proses baik pulih sesebuah gitar, selok-belok setiap inci dan struktur serta dimensi gitar itu perlu difahami dahulu supaya mendapat hasil akhir yang optimum dan memuaskan hati pelanggan yang menghantar gitar kepada saya". Berbekalkan pengalaman bekerja sebagai seorang penyelia tapak pembinaan, disiplin itulah yang membuatkan beliau mudah untuk menyelesaikan masalah tentang gitar dengan cepat dan produktif.

"Dari saya kecil saya telah didedahkan dengan muzik kerana arwah ibu saya adalah seorang bekas pengajar instrumen piano. Tetapi lama kelamaan ketika meningkat usia remaja, saya mula meminati untuk mendalami tentang ilmu permainan gitar sehinggalah saya bertemu dengan arwah Abang Mi yang juga pemilik Studio Marina di Taman Tenaga Cheras. Di situlah saya didedahkan tentang ilmu mengenai struktur gitar dan istilah-istilahnya

dengan lebih terperinci.

"PHC Majestic Guitar Works ini pada awalnya adalah perniagaan menjual alat permainan yang pernah mengalami kemerosotan ekonomi, akhirnya selepas melalui satu proses pengalaman yang panjang serta ilmu dalam selok-belok gitar, saya mula menukar arah perniagaan seperti yang ada pada hari ini. *Alhamdulillah* sehingga kini saya telah berjaya membaik pulih sebanyak 700 sehingga 800 buah gitar dalam tempoh tujuh tahun. Sesiapa sahaja yang datang untuk mendapatkan perkhidmatan baik pulih gitar, saya pastikan anda akan mendapat hasil yang terbaik dari saya," tambah beliau.

Ketika ditanya mengenai hala tuju di masa hadapan, Hairey menyatakan beliau ingin membina sebuah empayar yang mampu menghasilkan gitar dengan jenama sendiri dan sebuah akademi yang akan membantu anak bangsa mendapat peluang pekerjaan dengan mendalami ilmu mengenai selok-belok gitar.

Pembaca boleh menonton video temu ramah dengan mengimbas kod QR yang disediakan.

Kepada pembaca yang mempunyai kisah dan hobi yang menarik dan ingin berkongsi kepada kami, sila e-melkan kepada unitfotowilayahku@gmail.com. **WK**



HAIREY juga menyediakan perkhidmatan rakaman di studio miliknya.



PENGUNAAN alat yang spesifik untuk menggantikan 'fretwire' bagi mengelakkan kerosakan pada gitar pelanggan.






HAIREY bergambar di hadapan koleksi gitar peribadinya.



BARISAN gitar pelanggan yang sedang menunggu untuk diperbaiki.



PROSES memperbaiki gitar pelanggan dilakukan dengan penuh ketelitian.





"Arwah Mak Tok begitu dekat dengan saya" — Lah Ahmad

BETULLAH kata orang, rindu yang paling menyakitkan adalah rindu pada yang telah tiada.

Begitulah yang dialami **Lah Ahmad**, 43, ketika menyanyikan lagu Di Pintu Syurga yang didedikasikan buat neneknya, Allahyarham Meriam Ahmad meninggal dunia akibat sakit tua pada usia 102 tahun pada 13 September lalu.

Lah akui tidak dapat menahan sebak kerana terlalu rindukan arwah dalam Konsert Lah Ahmad Jatuh Cinta di Istana Budaya, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

"Saya cuba sebaik mungkin untuk tidak menangis, tetapi gagal. Arwah Mak Tok begitu dekat dengan saya. Pergiannya meninggalkan impak mendalam buat saya," katanya.

Apa yang istimewa, peminat yang hadir 'disajikan' dengan lagu-lagu popular Lah dan tidak kurang juga lagu yang jarang dipersembahkannya.

"Ada juga lagu lama saya yang peminat tidak pernah dengar termasuk lagu dari album baharu yang didedahkan khas buat peminat.

"Sebelum ini saya merahsiakan identiti artis itu, jadi kehadiran Innuendo dan Ruffedge menambah rencah dan warna untuk persembahan pada malam tersebut," katanya.

Kemunculan Innuendo dan Ruffedge membawakan lagu Belaian Jiwa mengembalikan nostalgia pada zaman kemuncak mereka dalam industri muzik dahulu.

Lah juga turut mempersembahkan lagu Khayalan dan Bila Rindu bersama Ruffedge.

Selain itu, antara lagu yang dibawakan Lah pada malam itu ialah Ayu, Adinda, Jatuh, Kerna Sayang, Kau Tercipta, Tunggu Kamu, Selamat Datang Cinta, Ulang tahun dan banyak lagi.

Bukan itu sahaja, dia membuat kejutan apabila turut membawakan lagu 'cover' Weak dan Glimpse Of Us yang memberikan erti peribadi buatnya.

Konsert Lah Ahmad Jatuh Cinta dianjurkan Rubbertapper Production House dan diiringi Orkestra Simfoni Universiti Malaya (UM).

Siti Nurhaliza terus bantu Palestin



DEEL ANJER

EMOSI sebilangan besar penduduk dunia kembali terjentik lantaran peristiwa berdarah di Gaza dan Tebing Barat, Palestin.

Untuk itu, penyanyi nombor satu negara, **Datuk Seri Siti Nurhaliza** meneruskan dana yang diusahakan sejak beberapa tahun lalu menerusi Tabung Bantuan Khas Palestin.

Usaha mengumpul dana ini dibuat menerusi Yayasan Nurjiwa yang diasaskan Siti bersama suami, Datuk Seri Khalid Mohamad Jiwa.

"Israel tentu sekali akan memperlihatkan kerakusannya termasuk menindas dan menyiksa masyarakat Palestin yang sudah berdekad lamanya hidup dalam kesukaran.

"Kemusnahan berterusan ke atas Palestin pula bukan hal yang hanya boleh dipandang sahaja tanpa berbuat apa-apa.

"Justeru, bagi tujuan membantu dan berkongsi rasa kesulitan yang mendalam serta sokongan tidak berbelah bahagi kepada masyarakat Palestin, Nurjiwa Foundation dengan kerjasama Kita Fund meneruskan Kempen Tabung Bantuan Khas Palestin

yang telah dilancarkan sejak tahun 2021.

"Yayasan Nurjiwa yang diasaskan oleh saya bersama suami juga mempunyai sebuah sekolah

bernama Afwa Al Afyah di Gaza. "Wakil kami sedang memantau secara dekat situasi terkini di sana dan mendoakan agar anak-anak ini selamat serta dalam lindungan Allah SWT," katanya.

Siti berharap usaha bersama ini boleh membantu rakyat Palestin yang sangat memerlukan bantuan memandangkan mereka sedang dengan peperangan.

"Apa jua usaha yang saya, suami, anda dan kita semua lakukan, saya yakin niat dan fokus

adalah sama dan tidak ada lain kerana Allah SWT. Dia Maha Mengetahui.

"Apa yang kita usahakan adalah dari niat dan keikhlasan dan tiada apa-apa kepentingan peribadi," tambahnya.

Untuk membuat sumbangan, layari <https://kitafund.com/9909-tabung-bantuan-khas-palestin> dan klik butang 'Sumbang' (boleh klik [linktree](#) di bio Instagram @ctdk).

Sumbangan untuk bantuan khas Palestin ini turut boleh disalurkan ke akaun **Yayasan Nurjiwa: Maybank 514486106455**.



SITI NURHALIZA

"Dalam pertandingan tu ada ramai artis" — Sophia Albarakbah

PELAKON Sophia Albarakbah menafikan kehadirannya ke konsert minggu ketiga All Stars Gegar Vaganza (ASGV) pada Ahad lalu adalah untuk memberikan sokongan kepada Aliff.

"Dalam pertandingan ASGV itu melibatkan ramai artis. Lagi pun saya ke sana sebab nak sokong sepupu saya, Aisha Retno yang menyanyi untuk GV Live Plus.

"Saya stay sampai Liza Hanim tapi dalam pukul 11 malam Aisha dah kena buat persembahan.

"Jadi Aisha ajak saya sekali keluar dan selepas itu kami terus balik," katanya ketika ditemui pada sidang media filem Harimau Malaya The Untold Journey.

"Kalau kami bertembung (dengan Aliff) saya rasa tak ada masalah sebab kita dalam industri yang sama. Pusing-pusing pun orang yang sama.

"Saya rasa tak ada masalah pun berada di tempat yang sama. Lagi pun apa yang berlaku dulu dah lama, itu bukanlah isunya dan saya berhak untuk pergi ke acara yang sama," ujarnya lagi.



SOPHIA

BELLA

"Masih nak menipu" . . . Bella Astillah bidas Sophia Albarakbah

KEMBALI hangat menjadi perbualan apabila isteri Aliff Aziz iaitu **Bella Astillah** membidas kenyataan pelakon Sophia Albarakbah yang didakwa menipu mengenai kehadirannya ke konsert minggu ketiga All Stars Gegar Vaganza (ASGV) pada Ahad lalu.

Menurut pemilik nama penuh Dayang Ara Nabella Awang Astillah, 29, nama Sophia yang hadir bagi menemani sepupunya yang juga penyanyi, Aisha Retno tiada dalam senarai tetamu jemputan pada hari konsert tersebut.

"Ya Allah SWT, masih nak menipu dia masih berada dalam dewan selepas Liza Hanim (buat persembahan).

"Seriuslah dia ini. Sudahlah nama tiada

dalam senarai tetamu kemudian selepas Aliff habis menyanyi, dia terus bergerak balik," luahnya dalam *InstaStory* baru-baru ini.

Menerusi hantaran sama, penyanyi lagu Tenang itu juga turut menuduh Sophia sebagai individu yang kerap menipu.

"Sudahlah duduk di depan wartawan. Kemudian hendak menipu lagi tetapi tidak hairanlah dia ini sudah biasa menipu dan putar belit," jelasnya.

Sementara itu, Bella menegaskan teguran itu tidak bermaksud apa-apa, sebaliknya mahu menjadi lebih baik.

"Saya tidak bersaing dengan sesiapa pun dan tiada keinginan untuk terlibat dalam permainan supaya dilihat lebih baik daripada orang lain. Saya hanya cuba untuk menjadi lebih baik dari semasa ke semasa," katanya.

CDeP 2023 platform gilap kepakaran dalam bidang teknologi baharu

AZLAN ZAMBRY

SURUHANJAYA Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) melalui Akademi MCMC memainkan peranan penting dalam menyediakan platform latihan serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk pemegang taruh melalui Capacity Development Programme (CDeP) 2023.

Penasihat Akademi MCMC, **Profesor Dr Tharek Abdul Rahman** berkata sebagai badan pengawal selia terhadap industri dan teknologi berkaitan komunikasi negara, pihaknya bertanggungjawab untuk menyumbang semula kepada industri agar kelangsungan teknologi berkaitan dapat terus dimanfaatkan kepada masyarakat.

"Akademi MCMC misalnya mempunyai beberapa inisiatif yang telah sedia dilakukan, di mana kami mempunyai beberapa latihan untuk pemain industri dan pemegang taruh agar teknologi terbaharu yang berkaitan dapat dimanfaatkan kepada masyarakat.

"Kami juga sedang bekerjasama dengan beberapa universiti antaranya, kami sedang membangunkan beberapa kredensial mikro dengan beberapa universiti pada masa ini iaitu Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Universiti Multimedia (MMU) dan Kolej Universiti Antarabangsa Sedaya (UCSI)," katanya kepada *Wilayahku* baru-baru ini.

Menjelmas lanjut, Tharek berkata sebagai sebuah badan kawal selia, pihaknya turut mengawal beberapa perkara dari segi tenaga kerja antaranya latihan berkaitan sumber manusia.

"Kebiasaannya kita sangat memerlukan individu di peringkat yang lebih tinggi dan peringkat kerja sebagai contoh, kerajaan banyak menekankan mengenai TVET yang berada di bawah Jabatan Tenaga Manusia (JTM) dan NIOSH untuk memastikan dan menambah baik kurikulum kerana di bawah akta SKMM, jika terdapat teknologi baharu yang diperkenalkan perlu melalui satu ujian dan ia menjadi satu standard.

"Itulah sebabnya walaupun apabila kita mahu melaksanakan 5G, mengikut akta itu, kita perlu mempunyai Piawaian Malaysia yang telah melalui Forum Piawaian Teknikal Malaysia Bhd (MTSFB) iaitu forum industri yang membangunkan piawaian tersebut sebelum 5G dilaksanakan.

"Selain itu, berkenaan pengemaskinian peningkatan kemahiran pula, kita bekerjasama dengan Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kepala Batas, untuk memasukkan kod teknikal yang standard seperti yang telah



THAREK ketika sesi penyampaian taklimat Program CDeP 2023 di Cyberjaya baru-baru ini.

sedia ada ke dalam kurikulum mereka," katanya.

Sementara itu, Perunding Perkhidmatan Pengalaman & Integrasi Sistem, Huawei Technology Malaysia, **Carolyn Wai** berkata pihaknya menyambut baik dan bertuah kerana dapat berkolaborasi dengan Akademi MCMC dalam

membangunkan kepakaran tempatan menerusi perkongsian pintar di antara Huawei dengan MCMC.

"Kami bertuah kerana Akademi MCMC memberikan peluang yang baik untuk kami menyebarkan maklumat dan berkongsi ilmu kepada semua pihak melalui liputan yang lebih luas.

"Pada masa yang sama, perlu bekerja dua arah, set minda dan kemahiran teknikal kerana apa yang mereka pelajari sekarang juga tidak terlalu tepat pada masanya," katanya.

Jelasnya, sebagai sebuah firma teknologi yang beroperasi di lebih 100 buah negara, Huawei teruja untuk bekerjasama dalam membantu untuk mengoptimalkan teknologi baharu dalam industri ini khususnya 5G dan bukan sahaja untuk bahagian seni bina teknikal tetapi juga untuk membantu industri itu memohon atau menerima pakai teknologi baharu.

"Huawei pada dasarnya membelanjakan jumlah yang agak besar dalam R&D teknologi baharu di sini dan juga di pusat R&D di China. Pada dasarnya Huawei ingin

membuat penambahbaikan dan cara menguasai pasaran. Malahan, Huawei juga merupakan pemain utama dalam teknologi baharu dan kami mempunyai penyertaan aktif dalam komuniti di peringkat antarabangsa," katanya.

Ujarnya, pada dasarnya Huawei menekankan dan memfokuskan semula dari segi trend teknologi dan memastikan bahawa ia melalui individu yang tepat serta platform yang betul untuk mencapai perkara tersebut.

PEMAIN INDUSTRI SAMBUT BAIK CDEP 2023

PEPERTA Program Pembangunan Kapasiti (CDeP) 2023 menyambut baik program latihan yang disediakan oleh Akademi MCMC yang memberikan pengetahuan tambahan terhadap pembangunan kerjaya serta kemahiran baharu.

Ketua Teknikal Fenomena Majukaya Sdn Bhd, **Tan Boon How** yang berpangkalan di Sabah menyifatkan penyertaannya dalam kursus selama dua hari tersebut bagi mendapatkan ilmu mengenai teknologi tanpa wayar (*wireless*).

"Sebelum ini saya terlibat dengan projek Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) melalui pemasangan menara pemancar, jadi ia membolehkan saya mendapat lebih banyak pendedahan, pengalaman dan pengetahuan baharu dalam bidang ini," katanya kepada *Wilayahku*.

Kata Boon How, sebagai operator kecil bagi pemasangan gentian fiber di negeri di bawah bayu itu, pihaknya menawarkan solusi untuk pembinaan rangkaian dan

terbaharu telah menyelesaikan projek dengan Perbadanan Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PR1MA).

"Melalui kursus ini, saya lebih menekankan mengenai pengetahuan teknologi *wireless* yang melibatkan pembinaan menara telekomunikasi, teknologi jalur lebar, frekuensi serta ilmu yang berkaitan.

Tambahnya, oleh kerana perkara ini hanya diajar secara teori di Institut Pengajian Tinggi (IPT), melalui kursus anjuran Akademi MCMC ini banyak membantunya untuk memahami teknologi berkaitan komunikasi dengan lebih mendalam.

"Teknologi juga berganti dengan lebih pantas dan jika dahulu saya belajar di IPT mengenai 3G dan 4G, dan selepas beberapa tahun, kini kita sedang melihat bagaimana teknologi 5G ini berfungsi. Jadi ini amat memanfaatkan saya untuk melaksanakan kerja berkaitan di Sabah," katanya.

Menurut Pengarah V Works OCS Sdn Bhd, **Wee Kian Lee**, syarikat perunding yang diwakilinya membantu pihak penyedia perkhidmatan telco dan pada masa sama turut membantu agensi kerajaan tempatan.

"Apa yang saya pelajari dalam program ini adalah ia membantu untuk mewujudkan kesedaran

mengenai teknologi 5G dan bagaimana ia boleh diaplikasikan dalam urusan harian.

"Ia juga berkait rapat dengan pekerjaan saya yang turut terlibat dengan Projek JENDELA, pembinaan menara telekomunikasi dan turut memberikan penyelesaian mengenai program bandar pintar (*Smart City*) dan juga kamera litar tertutup (CCTV)," katanya.

Tambahnya, kebanyakan operator yang berpusat di Sarawak dan Sabah memperoleh informasi dan pendedahan yang agak terhad mengenai teknologi ini, ia sedikit rumit untuk memahami mengenai perkara ini.

"Perkara sama yang turut dirasai termasuklah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan juga syarikat teknologi maklumat (IT) turut mendapat maklumat yang terhad. Disebabkan itu, saya perlu menyertai program ini kerana kami juga turut melaksanakan projek untuk MCMC, jadi ia akan memudahkan kami dan jika ia boleh dibawa ke Sabah dan Sarawak, saya yakin lebih ramai yang akan mendapat manfaat daripada kursus ini.

Dalam pada itu, Pengarah Negara Firma Perundingan, Vriens & Partners Sdn Bhd, **Wan Muhamad Nazhif Wan Yusoff** berkata tugasnya adalah untuk memberikan khidmat nasihat kepada syarikat antarabangsa yang beroperasi di Malaysia.

"Salah satu daripada sektor yang saya perlu pantau adalah bidang ICT dan sememangnya perkembangan dalam 5G adalah salah satu perkara yang menarik minat pelabur asing untuk menempatkan operasi di Malaysia seperti syarikat berpangkalan di Amerika iaitu AWS, Google yang telah mengumumkan untuk membuka pangkalan data di Malaysia," katanya.

Jelasnya, oleh kerana perkembangan 5G ini sangat relevan dalam bidang pekerjaan, inisiatif kursus di Akademi MCMC merupakan peluang untuk meningkatkan lagi pengetahuan dalam bidang 5G selari dengan kepesatan teknologi yang digunakan kini.

"Saya perlu belajar dahulu mengenai bidang ini dan berterima kasih kepada

Akademi MCMC kerana ia turut diajar termasuk mengkaji inisiatif kerajaan dalam mengaplikasikan 5G ini dalam pelbagai bidang dan ia boleh diterjemahkan dalam pelbagai peluang untuk pelabur asing mengembangkannya di Malaysia," ujarnya. **Wk**



CAROLYN WAI



BOON HOW



KIAN LEE



WAN MUHAMAD



Dulu mewah kerja di pelantar minyak, kini jurujual aiskrim



KHAIRUL IDIN

PENDAPATAN sebagai seorang pekerja di sektor minyak dan gas agak lumayan dan mencecah angka belasan ribu ringgit sebulan. Namun segalanya berubah apabila **Mohd Hafizul Helmi Sulaiman**, 31, kehilangan pekerjaan ketika pandemik COVID-19 melanda negara sekitar tiga tahun lalu.

Bangkit untuk meneruskan kehidupan, dia dan isteri memulakan perniagaan Victoria Ice Cream yang terletak di Nepmart Sea View Kampung Tanjung Aru dengan berbekalkan modal sebanyak RM20,000.

Kongsinya, ketika itu dia tidak boleh terlalu lama untuk meratapi nasib

kerana sedar bukan dirinya sahaja yang hilang punca pendapatan ketika itu.

Malah, ramai lagi mereka di luar sana yang berdepan dengan dugaan berat apabila kehilangan insan tersayang gara-gara virus yang menyerang ketika itu.

"Mujurlah isteri sentiasa memberi kata-kata semangat dan bersama-sama membangunkan perniagaan ini. Permulaannya kami agak risau juga dengan sambutan orang ramai namun ia di luar jangkaan.

"Sokongan daripada pembeli membuatkan saya dan isteri bersemangat untuk meneruskan Victoria Ice Cream ini. Sekarang sudah masuk tiga tahun kami berniaga," ujarnya.

Kongsinya, Victoria Ice Cream mampu terjual sekurang-kurangnya 200 kon setiap hari dan paling membanggakan pasangan suami isteri ini memperoleh pendapatan lumayan mencecah lima angka sebulan.

BELAJAR BUAT AISKRIM DARI INTERNET

MOHD HAFIZUL mengakui ketika mula-mula terlibat dalam perniagaan tersebut, dia hanya mempelajari cara pembuatan aiskrim melalui Internet sahaja.

"Walau bagaimanapun, saya sangat menitikberatkan tentang kelazatannya. Jadi, bahan yang digunakan adalah premium supaya

berkualiti dan segar selain diadun sendiri menggunakan mesin khas.

"Bagi saya, kalau sedap pasti pelanggan akan datang lagi berbanding sebaliknya. Kepuasan pelanggan adalah keutamaan kami. Sehingga hari ini, kami menerima pelbagai komen positif daripada mereka.

"Paling terharu, pelanggan sanggup beratur panjang semata-mata ingin mendapatkan Victoria Ice Cream," ujarnya yang dalam perancangan untuk menerima sebarang tempahan majlis keraian dan lain-lain.

Terdiri daripada enam perisa yang enak, antara yang mendapat permintaan tinggi adalah *chocolate*

island, *victoria oreo* dan aiskrim gula apong.

"Ketiga-tiga perisa ini dijual pada harga bermula RM5.50 sehingga RM9.90 mengikut *topping* di mana ia menggunakan coklat berjenama seperti Kit Kat, Cadbury, Daim dan M&M," ujarnya pelanggan boleh mendapatkan aiskrim dengan harga serendah RM2.50. **WK**



MOHD HAFIZUL



Victoria Ice Cream, Nepmart Sea View, Tanjung Aru, Labuan

@Victoria Ice Cream

@_victoria_icecream

014 - 360 1761

VICTORIA ICE CREAM
Creamy and yummy, as always.

Chocolate Island
*Choose your own chocolate **RM9.50**

- KIT KAT
- M&M
- CADBURY
- DAIM

Victoria Oreo **RM9.90**

EXTRA CHOCOLATE **ADD RM RM1.00**



MEDIA WARGA KOTA
WILAYAHKU
DAPATKAN NASKHAH PERCUMA!



Dapatkan juga versi e-paper WILAYAHKU di www.wilayahku.com.my

LOKASI EDARAN:



Akhbar mingguan WILAYAHKU juga boleh didapati di lokasi terpilih seperti di pejabat-pejabat kerajaan, masjid, surau, stesen minyak, restoran, premis perniagaan, stesen LRT/MRT serta banyak lagi lokasi tumpuan orang ramai.

www.wilayahku.com.my | [Wilayahku](https://www.facebook.com/Wilayahku) | [@akhbarwilayahku](https://twitter.com/akhbarwilayahku) | [Wilayahku](https://www.youtube.com/Wilayahku) | [WKTV](https://www.wktv.com)

PENGIKLANAN AKHBAR

MUKA PENUH
26 cm X 32 cm
RM7,500

SEPARUH MUKA
26 cm X 16 cm
RM5,500

SUKU MUKA
13 cm X 16 cm
RM4,500

PANEL BAWAH
26 cm X 6 cm
RM4,500

PENGIKLANAN DIGITAL

BANNER ATAS RM3,000

BANNER TENGAH RM2,500

BANNER TEPI RM2,500

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

MEDIA WARGA KOTA
WILAYAHKU

50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

03-8861 5260

Alamat:

YWP MEDIA SDN BHD (1304797-X)

Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Lebih dua dekad masih menanti PPR

LEBIH 20 tahun memohon dengan penuh harapan untuk menyewa unit rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), namun harapan masih hampa. Sehingga kini masih menanti.

Itulah kekecewaan yang dihadapi oleh kelompok miskin dan tidak mempunyai rumah di ibu kota untuk menyewa rumah PPR atau Perumahan Awam (PA) DBKL kerana sewa yang rendah serta dalam kemampuan.

Ada antaranya yang sudah 25 tahun memohon tetapi masih terus menunggu. Masih belum ada bayangan harapan akan menjadi kenyataan. Lantaran itu ada yang terpaksa terus menyewa bilik kecil untuk didiami bersama keluarga. Bayangkan jika keluarga besar bagaimana peritnya mereka.

Memetik laporan media, dalam tempoh 25 tahun itu sudah beberapa kali memohon untuk menyewa PPR. Malangnya nasib belum ada rezeki. Kerana itu terpaksa terus menyewa bilik. Itulah kemampuan yang ada. Di situlah anak-anak dilahirkan dan dibesarkan.

Adi boleh rasai kepayahan mereka kerana di ibu kota sewa bilik sentiasa naik. Jika di awal menyewa dahulu dalam lingkungan RM200, dalam tempoh 25 tahun sudah mencecah sehingga RM600 sebulan. Jumlah ini lebih tinggi daripada sewa PPR atau PA milik DBKL.

Sudahlah sewa mahal, hidup dalam keadaan 'sendat' dan tidak selesa. Pergerakan terhadap kerana ruang terlalu kecil. Di situlah tempat rehat, makan dan tidur. Jika keluarga besar, memang terpaksa bersesak-sesak.

Kerana itu yang menyewa mahu keluar daripada tempat sewa sekarang. Harapannya ialah dapat peluang menyewa PPR atau PA yang lebih selesa berbanding sekadar bilik sewa yang sudah menjadi rumah bertahun-tahun.

Namun apakan daya bukan semua berpeluang mendapat unit



DIHARAP lebih banyak projek perumahan awam dilaksanakan di seluruh ibu kota bagi memenuhi keperluan rakyat golongan miskin. - Gambar hiasan

PPR atau PA. Adi percaya, jika boleh, pihak DBKL sendiri mahu membuka peluang selalu mungkin kepada golongan miskin bandar yang tidak berumah menyewa perumahan DBKL.

Isunya bukan kerana DBKL sengaja tidak mahu memberi tetapi kerana permintaan untuk menyewa PPR dan PA terlalu tinggi. Permintaan jauh mengatasi bekalan. Kerana itu menurut kiraan mudah, memang tidak semua akan berjaya sekali pun beberapa kali membuat permohonan.

Projek pembinaan PPR atau PA baharu selalunya mengambil masa kerana melibatkan pencarian tapak dalam keadaan tanah yang makin terhad di ibu kota. Pembinaan pula jika dilaksanakan akan mengambil masa untuk siap dan menerima penghuni.

Dalam tempoh itu, saban bulan dan saban tahun jumlah yang memohon kian ramai. Barisan yang menunggu bertambah panjang. Mahu tidak mahu hakikatnya ialah, jika pun wujud projek PPR dan PA baharu, ia tidak dapat menampung keperluan semua.

Lagi pun mereka yang sudah sedia menyewa tidak mungkin melepaskan sewaan, kecuali atas sebab-sebab tertentu. Misalnya melanggar peraturan DBKL seperti culas membayar sewa atau pelanggaran disiplin yang serius.

Keadaan ini menyebabkan ruang kosong unit sedia ada untuk dimasuki penyewa baharu sangat terhad. Ini juga punca barisan menunggu makin panjang, penantian makin lama. Mudah-mudahan, jika di dalam ada orang, bagaimana yang di luar hendak masuk.

Kerana itu harapan terletak pada projek-projek baharu PPR atau PA. Namun Adi faham ia bukan mampu menyelesaikan masalah secara tuntas. Katakan, sebagai contoh, ada 100 kekosongan unit tetapi yang memohon ada 1,000, bererti 900 perlu menunggu lagi.

Jika sudah menunggu 25 tahun dan beberapa kali memohon masih belum mendapat tempat, sukar Adi bayangkan nasib pemohon terkemudian atau yang baharu memohon. Entah bila giliran akan sampai.

Memang sedih apabila memikirkan hakikat ini. Tetapi itulah realiti yang perlu dihadapi oleh para pemohon PPR atau PA yang masih dalam senarai menunggu. Belum pasti entah bila yang ditunggu akan tiba.

Kedudukan Kuala Lumpur sebagai ibu kota metropolitan dan pusat ekonomi negara menjadikan ia daya tarikan untuk ramai datang ke ibu negara mencari rezeki. Ini fenomena sejak lama kerana beranggapan ibu kota punyai banyak peluang pekerjaan yang boleh mengubah hidup, khususnya bagi yang berasal dari kampung.

Sewaktu masih bersekolah dahulu pun Adi melihat ramai orang kampung yang berkelana ke Kuala Lumpur mencuba mencari kerja dengan meninggalkan kerja tradisi di kampung seperti bekerja di kebun kelapa.

Mereka bangga apabila menjadi orang Kuala Lumpur. Sekali sekala balik kampung boleh bercerita macam-macam dengan orang kampung. Hakikatnya ada yang mampu bertahan mengharungi kehidupan di ibu kota. Tetapi ramai juga yang berpatah balik ke desa meneruskan kerja tradisi.

Apa yang Adi gambarkan ialah kelompok ini juga antara penyumbang kepada persaingan permintaan menyewa rumah seliaan DBKL selain penduduk miskin bandar asal. Ini kerana yang datang dari kampung itu kemungkinannya bekerja dengan pendapatan sederhana sahaja. Kerana itu mereka perlukan kediaman dengan sewa rendah.

Adi sanjung usaha mereka yang mahu berubah, tetapi harus disedari kehidupan di bandar sangat mencabar. Hampir kesemuanya memerlukan wang. Oleh itu bukan sahaja kekentalan fizikal dan minda diperlukan, tetapi juga kewangan yang kukuh.

Kerana itu perlu berjimat dengan apa juga sumber kewangan yang ada. Ini termasuk tempat kediaman. Sudah tentu mahu tempat menyewa kediaman murah dan pada masa sama memohon mendiami PPR atau PA.

Namun kerana Kuala Lumpur menjadi tumpuan dari semua penjurru, ramai yang akan memohon, bersaing dengan penduduk miskin bandar raya sendiri.

Adi puji usaha DBKL yang berusaha bersungguh-sungguh menyediakan perumahan memenuhi keperluan rakyat golongan miskin. Namun Adi juga menyedari kekangan yang dihadapi seperti unit terhad, menyebabkan ia terpaksa memenuhi harapan sebahagian tertentu dan mengecewakan yang lain. Ini bukan disengajakan.

Kerana itu diharap lebih banyak projek perumahan awam dilaksanakan di seluruh ibu kota dalam usaha cuba memenuhi keperluan ini. Pemaju swasta pun perlu ambil sama tanggungjawab ini. Jangan hanya serahkan kepada kerajaan dan jangan hanya bina rumah mahal untuk meraih untung.

Satu perkara yang ingin Adi tekankan mengenai PPR dan PA ialah selaras perubahan masa dan kenaikan bahan binaan, bakal penyewa juga harus bersedia menghadapi kemungkinan kos sewa unit PPR atau PA juga akan naik.

Bagi Adi seelok-eloknya kadar sewa seperti yang ada sekarang dipertahan. Adi percaya DBKL sendiri tidak lupa matlamat projek PPR dan PA adalah untuk keperluan golongan berpendapatan rendah. Tetapi jika ada sedikit kenaikan, sedialah terima. Yang penting ada tempat berlandung untuk diri dan keluarga.

Adi—Perantau di ibu kota

Adi Jah

Sajak

KOPI DAN TEH

Kauteguk kopi, aku menelan teh yang mengewap gas-gas haloba digula butiran-butiran nista sama ada bersusukan cinta atau kekosongan tanpa duga

Kauteguk kopi, aku menelan teh berbeza naimnya di gelongsor riak berbeza nan diserap di selirat tamak

Kauteguk kopi, aku menelan teh masih sama lidah kelepuhan masih sama diraikan kelainan masih sama haus dibahkan masih sama cangkik sukatan

ADIE ABD GANI
Kuching, Sarawak.

RAGAM KOTA

F#minor

INCOME SAYA SEBAGAI PEMUZIK JALANAN INI TIDAK MENENTU ENCİK... ADA PASANG SURUTNYA... HARI INI DAPAT RM200.00... ESOK TAKTAU LAGI ... ERR SOALAN LAIN?

ER... PINJAM BOLEH??

PINJAM GITAR?

PINJAM SERATUS!



KHAIRUL IDIN

Anwar cakna permasalahan di Labuan, bakal adakan lawatan

PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim cakna terhadap pelbagai isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli Dewan Negara, Tan Sri Anifah Aman dalam perbincangan di Dewan Negara, baru-baru ini.

Perkara itu dizahirkan menerusi lawatan kerja yang dikelola oleh Setiausaha Politik Kanan, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin ke Labuan pada 4 Oktober lalu.

Menerusi kenyataan Perbadanan Labuan (PL), Datuk Shamsul berkesempatan mengadakan siri perjumpaan dan dialog dengan agensi kerajaan serta dewan-dewan perniagaan.

Dalam sesi lawatan itu, beliau berkesempatan mendengar taklimat dan perkembangan mengenai isu bekalan air, elektrik serta projek-projek pembangunan yang dilaksanakan di pulau tersebut.

“Menerusi dialog itu, pejabat Perdana Menteri menerima beberapa cadangan, isu dan permasalahan yang berkaitan pembangunan ekonomi, pelancongan, infrastruktur, sosial dan kebajikan penduduk di pulau ini,” kata kenyataan itu.

Katanya, lawatan itu juga akan menjadi asas persiapan bagi lawatan rasmi Perdana Menteri ke Labuan pada tahun ini.

Turut hadir Ahli Dewan Negara merangkap Pengerusi Perbadanan Labuan, Senator Tan Sri Anifah Aman; Timbalan Pengerusi Perbadanan Labuan, Simsudin Sidek dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Rithuan Mohd Ismail. **WK**



SHAMSUL (duduk, tengah) bersama pihak pengurusan tertinggi PL selepas taklimat projek naik taraf elektrik di Labuan.



ROSLI (dua dari kanan) merasmikan Festival Makanan Tradisional Borneo MADANI 2023 di Kompleks Ujana Kewangan, baru-baru ini.

Festival Makanan Tradisional Borneo martabat warisan budaya

FESTIVAL Makanan Tradisional Borneo MADANI 2023 merupakan satu langkah proaktif bagi memartabatkan warisan khususnya berhubung khazanah budaya dan bangsa kepada generasi masa kini.

Pengerusi LANITA, Maureen Tidal berkata ia dapat memperlihatkan budaya makanan tradisional membabitkan tujuh etnik di Borneo meliputi Labuan, Sabah, Sarawak dan Brunei Darussalam.

“Ini bagi memastikan kepelbagaian makanan yang dipamerkan tidak akan dilupakan dan memberi peluang kepada golongan masa kini untuk mengenalinya.

“Sambutan daripada etnik di Borneo sangat baik kerana mereka berasa teruja dihimpunkan di satu tempat di Labuan ini bagi mengetengahkan budaya masing-masing.

“Dengan makanan tradisional ini kita boleh berkongsi resipi, budaya dan di situ kita juga dikumpulkan bersama-sama. Alhamdulillah, penganjuran untuk

tahun kedua ini sambutan daripada masyarakat Labuan dan luar amat memberangsangkan.

“Kita harap pada tahun akan datang pihak MOTAC memberi peluang seperti ini agar usaha memperkasakan warisan budaya dapat diteruskan,” katanya kepada pemberita pada Majlis Perasmian Festival Makanan Tradisional Borneo MADANI 2023 di Kompleks Ujana Kewangan, baru-baru ini.

Hadir sama Penolong Pegawai Tadbir Tinggi MOTAC Labuan, Rosli Mat Jinun.

Program selama tiga hari itu dianjurkan oleh Pertubuhan Inspirasi Wanita Labuan (LANITA) dengan kerjasama Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC).

Terdahulu, pelbagai pengisian antaranya pertandingan dulang ambuyat, menumpang ambuyat, pakaian etnik Borneo dan pameran kuih-muih. **WK**

KPDN Labuan anjur PJR setiap minggu, bantu ringan kos sara hidup

PEJABAT Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Labuan menganjurkan Program Jualan Rahmah (PJR) setiap minggu bermula bulan ini (Oktober).

Pengarahnya, Junaidah Arbain berkata pihaknya sentiasa prihatin dan mengambil maklum atas permintaan serta sambutan masyarakat yang menginginkan program itu kerap diadakan.

“Dengan peruntukan yang ada khusus bagi Labuan, kita akan cuba sedaya upaya untuk memenuhi permintaan pengguna bagi mengadakan PJR pada setiap minggu.

“Kita akan menganjurkan PJR setiap minggu di beberapa pasar raya terpilih agar dapat membantu masyarakat di pulau ini mendapatkan barang keperluan harian

dengan kadar diskaun antara 10 hingga 30 peratus,” katanya dalam Bicara Eksklusif di LABUANfm, baru-baru ini.


Mengulas lanjut, Junaidah turut maklumkan pihaknya melaksanakan Program Jualan Rahmah Bergerak (JRB) bagi membantu golongan sasar B40, termasuk ibu tunggal, Orang Kurang Upaya (OKU) dan warga emas bagi mendapatkan barangan keperluan harian.

“Dalam waktu terdekat kita telah pun merancang untuk melaksanakan JRB ini di dua buah kampung yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi. Pengguna di Labuan boleh mendapatkan maklumat mengenai pelaksanaan JRB ini menerusi laman Facebook KPDN Labuan dari semasa ke semasa,” katanya lagi. **WK**



PENDUDUK Labuan membeli barangan keperluan pada PJR di salah sebuah pasar raya baru-baru ini.

PERADUAN MEWARNA PM232



NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKID:

ALAMAT:

.....

.....

NO. TELEFON IBU/BAPA/PENJAGA:

Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.


CARA MENYERTAI:

- Warnakan terus pada lukisan di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
- Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
- Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik berserta biodata diri dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "PERADUAN MEWARNA PM232".
- Tarikh tutup penyertaan adalah 21 OKTOBER 2023.
- Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 234.

3 PENYERTAAN TERBAIK PADA SETIAP MINGGU AKAN MENERIMA CENDERAHATI ISTIMEWA DARIPADA YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN



TEKA SILANG KATA SK232



MELINTANG

- Buli jenis _____ berkaitan dengan memulaukan
- Buli jenis _____ berkaitan dengan teknologi
- Azfar _____ rakan lain supaya tidak berkawan dengan Akmal
- Contoh buli fizikal ialah _____ menendang dan menumbuk
- Mangsa buli akan alami _____ dan suka bersendirian
- 'Body Shaming' adalah satu _____ dan boleh didakwa

KE BAWAH

- Perbuatan tingkah laku _____ yang berulang bertujuan untuk menyakiti individu lain
- Rasa tidak puas _____ punca gejala buli berlaku
- Buli jenis _____ berkaitan dengan mulut
- Pembuli suka melanggar _____
- Antara buli sosial ialah _____, menyisihkan atau mendiskriminasikan mangsa

NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKAD:

ALAMAT:

.....

.....

NO. TELEFON:

Peraduan silang kata ini terbuka kepada rakyat Malaysia di semua peringkat umur.

CARA MENYERTAI:

- Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
- Setelah siap diisi, rakam gambar dan biodata diri di atas dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "TEKA SILANG KATA SK232".
- Tarikh tutup penyertaan adalah pada 21 OKTOBER 2023.
- Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 234.

3 PENYERTAAN TEPAT & TERAWAL SETIAP MINGGU AKAN MENERIMA CENDERAHATI ISTIMEWA DARIPADA YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN



Hantarkan video bakat anak anda yang berumur 14 tahun ke bawah tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk uji bakat dan berpeluang untuk menyertai kumpulan produksi WILAYAHKU TV.

Durasi video tidak lebih 3 minit.

E-melkan kepada: wilayahku2022@gmail.com Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.

KEPUTUSAN PERADUAN SANTAI 230

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM230:

RAYSHA ADELIA BINTI ABDUL RAZAK
(12 tahun)
Taman Sri Rampai, Setapak

NUR ALYA QAISARA BINTI RAZIMAN SYAH
(10 tahun)
Presint 17, Kuala Lumpur

MUHAMAD FARISZ ARFAN BIN MUHAMAD FASZLIE
(10 tahun)
Presint 17, Putrajaya



ALYA

FARISZ

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan TeKa Silang Kata SK230:

MUHAMMAD UMAR THAQIF BIN MOHD FAEZIE
(12 tahun)
Presint 17, Putrajaya

DAMIA IRDINA BINTI MOHD HAFIZ
(10 tahun)
Presint 17, Putrajaya

SITI FATIMAH BINTI MOHAMED
(40 tahun)
Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang



UMAR



DAMIA



FATIMAH

MCMC berjaya merangkul anugerah di Asia's Best Employer Brand Awards 2023

AZLAN ZAMBRY

MAJIKAN dan pekerja merupakan satu hubungan yang unik dan memiliki sifat kebergantungan di antara satu sama lain. Jalinan tersebut juga berunsurkan kontrak perjanjian pekerjaan yang dipersetujui bersama.

Baru-baru ini, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) merangkul Anugerah Best Employer Brand Awards 2023 yang dianjurkan oleh The Employer Branding Institute dan Kongres Sumber Manusia Sedunia dalam satu majlis di Singapura pada 17 Ogos lalu.

Menurut MCMC, anugerah tersebut mengiktiraf organisasi yang menggunakan medium komunikasi pemasaran dengan berkesan dalam menarik bakat, mengekalkan bakat, membangunkan bakat dan dalam dasar pengekalan.

Proses pemilihan untuk Anugerah Jenama Majikan Terbaik lazimnya melibatkan penyelidikan dan cadangan daripada pemimpin kanan dalam industri.

Menurut MCMC juga, Employer Branding Institute bekerjasama rapat dengan pemimpin kanan sumber manusia dan profesional di seluruh dunia untuk mengenal pasti syarikat yang cemerlang terutama dalam bidang sumber manusia dan strategi penjenamaan majikan.

Anugerah tersebut merupakan anugerah penjenamaan majikan ke-2 MCMC dalam tempoh kurang dari setahun, ia mengukuhkan kedudukan MCMC sebagai majikan bagi pilihan bukan sahaja dalam industri di Malaysia malahan dalam negara serta di rantau Asia.

Penyertaan MCMC untuk kali pertama ini bukan sahaja sebagai peserta tetapi juga telah muncul sebagai pemenang dalam arena



WAKIL Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) menerima anugerah di Asia's Best Employer Brand Awards 2023 di Singapura baru-baru ini.

pertandingan tersebut.

MCMC juga diiktiraf kerana amalan sumber manusia yang cemerlang termasuklah budaya tempat kerja, kepelbagaian dan inisiatif yang inklusif, peluang pembangunan kerjaya dan program kesejahteraan.

Kesan daripada inisiatif ini terbukti dalam kepuasan pekerja yang tinggi dan kadar penglibatan, serta kesan positif terhadap prestasi organisasi MCMC.

Usaha ini sudah pasti membantu organisasi ini untuk menarik dan mengekalkan bakat terbaik sekali gus menghasilkan produktiviti yang lebih tinggi.

Sebagai sebuah organisasi terkemuka, MCMC juga baru-baru ini telah merangkul beberapa anugerah dalam Employee Experience Awards (EXA) 2023 yang

dianjurkan oleh Human Resources Online.

MCMC telah disenarai pendek bagi 11 kategori bersama beberapa syarikat multinasional lain seperti Nexperia Malaysia, Shell, Maxis, Allianz Malaysia, OCBC Bank dan lain-lain.

Pencapaian ini memberi inspirasi kepada MCMC dalam meningkatkan lagi strategi untuk memastikan pekerja gembira, produktif, dan

terlibat sama dalam setiap program kesejahteraan.

Sebagai sebuah organisasi yang penting, pencapaian MCMC dalam anugerah baru-baru ini juga menunjukkan komitmen yang tinggi untuk kekal di barisan hadapan dalam penglibatan pekerja dan penjenamaan majikan di rantau Asia-Pasifik.

Menerusi anugerah yang dirangkul, ia mempamerkan komitmen MCMC untuk memupuk bakat kepimpinan dan mewujudkan ruang kerja yang mampan dan cangguh.

Penghargaan tersebut berfungsi sebagai

peringatan bahawa ketika mengejar kecemerlangan, baik di tempat kerja mahupun dalam program penjenamaan, ia adalah satu perjalanan tanpa destinasi akhir.

MCMC sebagai sebuah organisasi penting akan terus berkembang dan berinovasi malah sudah bersedia untuk masa hadapan yang lebih cerah dan menetapkan standard yang tinggi untuk mencipta serta merintis kemungkinan dan pengalaman di tempat kerja yang lebih baik. WK



Best Employer Brand Awards 2023

Info

- Menampilkan 71 anugerah yang dibahagikan kepada dua kategori, 38 untuk organisasi dan 33 individu.

- Best Employer Brand Awards turut dianggotai kira-kira 99 buah negara di seluruh dunia termasuklah Amerika Syarikat, Britain, Australia, Thailand, Turkiye, China, Kanada, Qatar, Emiriah Arab Bersatu (UAE) lain-lain.

Jom sertai *The Longest Picnic Line* di HRP2023, hadiah wang tunai menanti



SABRINA SABRE

Pihak Perbadanan Putrajaya (PPj) menjemput semua warga Malaysia untuk menyertai acara *The Longest Picnic Line* (Barisan Perkelahan Terpanjang di Malaysia) yang diadakan bersempena Hari Rekreasi Putrajaya (HRP) 2023 pada 14 Oktober ini.

Menurut Presiden PPj, **Datuk TP Fadzlan Mak Ujud**, acara yang berlangsung di Anjung Floria, Presint 4, Putrajaya itu diadakan bertujuan untuk menggalakkan masyarakat terhadap gaya hidup sihat dan seimbang, meningkatkan kesihatan fizikal dan mental selain mempromosikan keindahan serta kepelbagaian rekreasi di pusat pentadbiran negara itu.

"Pada setiap tahun kami cuba pelbagaikan komponen utama aktiviti rekreasi yang ingin ditonjolkan. Sebagai contoh, tahun lepas aktiviti utama HRP adalah perkhemahan berkonsepkan pelbagai jenis kenderaan rekreasi (RV) manakala untuk tahun ini pula kami ketengahkan acara perkelahan.



GELAGAT pengunjung cilik semasa di HRP2022. - Gambar hiasan

"Lebih menarik, peserta perkelahan akan turut terlibat dalam pertandingan lot piknik tercantik yang dipertandingkan dalam tujuh kategori iaitu terbuka, komuniti Putrajaya, sekolah rendah dan menengah, universiti, pengendali acara (*event planner*) serta pengengaruh (*influencer*)," ujarnya.

Fadzlan berkata para peserta juga berpeluang membawa hadiah wang tunai sebanyak RM300 untuk juara keseluruhan dan pemenang

tempat pertama, kedua RM250, ketiga RM150 manakala pemenang sagu hati bakal menerima barang perkelahan.

Dalam masa sama, beliau memaklumkan peserta dibenarkan untuk membuat persiapan awal iaitu pada 13 Oktober bermula pada pukul 3 petang dan aktiviti menghias boleh dilaksanakan sehingga 2 petang (14 Oktober).

"Peserta hanya dibenarkan untuk mengemas (*dismantle*) plot

perkelahan selepas pukul 6 petang pada 14 Oktober. Tapak perkelahan diberikan berdasarkan '*first come, first serve*'. Peserta tidak dibenarkan mendirikan binaan, khemah atau membawa kenderaan ke tapak perkelahan. Walau bagaimanapun, alat dan dekorasi perkelahan adalah dibenarkan.

"Jika pengunjung ingin menyertai HRP, pendaftaran awal bagi menyertai acara perkelahan terpanjang telah dibuka. Kami menggalakkan orang ramai untuk membuat pendaftaran awal bagi menempah lot kawasan piknik (2x2meter).

"Yuran penyertaan yang dikenakan adalah serendah RM10 sahaja untuk satu tapak perkelahan, manakala penyertaan bagi kategori sekolah rendah, menengah dan universiti adalah percuma. Kita juga akan sediakan *goodies* kudapan nanti," tambahnya pihak PPj menyasarkan kira-kira 50,000 pengunjung ke HRP2023 yang mana dapat merencanakan lagi sektor ekonomi menerusi pelancongan acara.

Di samping itu, beliau menyeru para peserta yang terlibat dengan Hari Sukan Negara (HSN) di Putrajaya

untuk turut sama memeriahkan HRP2023 memandangkan ia berlangsung pada tarikh yang sama.

"Memandangkan acara ini adalah *compliment* kepada penganjuran HSN, kami berbesar hati mengajak para peserta yang berada di Putrajaya untuk berkelah di Anjung Floria pada waktu petang hari tersebut. Selepas bersukan, kita berehat sambil berkelah," ujarnya.

Terdahulu, pihak PPj juga mensasarkan pengiktirafan bagi rekod *The Longest Picnic Line* oleh *The Malaysia Book of Records* (MBOR) yang mana anggaran minima sasaran peserta perkelahan adalah seramai 1,000 orang bagi 250 lot perkelahan dengan ukuran sekurang-kurangnya 500 meter panjang.

Sebagai rekod, Hari Rekreasi turut disambut di beberapa negara luar sebagai galakan kepada rakyat mereka untuk keluar dan menikmati aktiviti rekreasi di kawasan awam. Antara negara yang menyambut Hari Rekreasi adalah Tasmania-Australia, Virginia - US dan South Africa manakala Las Vegas, Nevada telah diiktiraf sebagai bandar rekreasi terbaik melalui kajian atas talian oleh *The WalletHub*. WK

Festival Budaya Putrajaya 2023 diiktiraf MBOR

FESTIVAL Budaya Putrajaya 2023 mencatat sejarah dalam *Malaysia Book of Records* (MBOR) menerusi penganjuran Konsert Mega Dikir Barat dan Paluan Rebana berskala antarabangsa pertama diiringi Orkestra Tradisional Malaysia baru-baru ini.

Menurut Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), **Mohd Yusri Mohd Yusoff**, penganjuran program dengan kerjasama rakan strategik Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Istana Budaya itu adalah untuk mendekatkan masyarakat umum dan antarabangsa dengan kegiatan seni budaya dan pelancongan Malaysia serta mempromosi pelbagai produk pelancongan yang terdapat di negara ini khususnya di Putrajaya.

"Lima segmen persembahan telah dipertontonkan kepada orang ramai sempena Malam Gala di Dataran Putrajaya melibatkan paluan buka panggung dan bertabuh, persembahan lagu Jogho, *battle* tukang karut, lagu rampaian serta dikir kreasi yang diiringi 230 pemain rebana dan 200 orang awak-awak dikir barat.

"Bertemakan 'Perpaduan Melalui Seni Budaya', festival itu adalah bertujuan mengukuhkan semangat untuk hidup dalam harmoni serta perpaduan melalui seni, budaya dan warisan.

"Festival berskala mega sebegini yang diadakan di Putrajaya adalah sebagai salah satu usaha MOTAC



WAKIL MBOR menyerahkan sijil pengiktirafan kepada Menteri MOTAC, Tiong King Sing (tiga kanan) dengan disaksikan oleh Anwar (tiga kiri).

dalam mempromosi produk pelancongan serta keunikan program yang mampu menarik tumpuan pelancong," katanya menerusi satu kenyataan media.

Dalam masa sama, MOTAC yang berperanan dalam memperkenalkan kebudayaan dan kesenian Malaysia berkata pihaknya akan memastikan inisiatif serta strategi berterusan

dilakukan bagi mempromosikan destinasi pelancongan, seni dan budaya yang menarik.

"Ini kerana Malaysia mempunyai kelebihan dengan rakyat berbilang bangsa dan kepelbagaian kebudayaan, sekali gus menjadikan negara ini antara destinasi pelancongan antarabangsa yang popular.

"MOTAC perlu memainkan peranan penting dalam memperkasakan aktiviti seni dan budaya di Malaysia seiring kemajuan ekonomi negara.

"Bukan itu sahaja, diharapkan penganjuran festival ini dapat mengangkat potensi destinasi pelancongan, seni dan budaya Malaysia bukan sahaja kepada

masyarakat tempatan bahkan di mata dunia," tambahnya.

Terdahulu, antara pengisian menarik yang telah diatur sepanjang empat hari program ialah *Putrajaya Culture Fun Run & Gathering* yang menampilkan acara larian lima kilometer (km) dengan berpakaian tradisional, persembahan pentas bercirikan tradisional dan kreasi dengan suntikan semangat kemerdekaan, penjagaan seni (*art care*), pencungkilan bakat, pameran, demonstrasi makanan warisan, penjualan produk kraf juga pertandingan serta kuiz seni budaya dan pelancongan.

Selain itu, festival tersebut turut dimeriahkan dengan kehadiran artis jemputan konsert mega iaitu Syamel, Liza Hanim, Bunga Isme, Amsyar Lee, Nadeera serta persembahan tarian-tarian etnik tradisional pelbagai kaum.

Lebih menarik dan turut mendapat perhatian ialah penganjuran Putrajaya Coffee Republic 2023 dengan penglibatan 80 gerai vendors pelbagai jenama kopi dan menu pilihan juadah serasi kopi yang dibawa khas oleh PPj selain Pertandingan Barista Latte Art Amatir dan Pertandingan Kopi Tarik yang juga menarik perhatian pengunjung.

Terdahulu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mencadangkan agar Festival Budaya Putrajaya 2023 yang diadakan buat julung kali di Dataran Putrajaya itu dimasukkan dalam kalendar MOTAC sebagai acara tahunan negara. WK

Fokus jadi usahawan berjaya

Nazirul Hadi tinggalkan dunia silat

SABRINA SABRE

ATLET silat Wilayah Persekutuan, **Muhammad Nazirul Hadi Abdul Majid**, mengucapkan selamat tinggal kepada dunia persilatan yang menjadi sebahagian kehidupannya sejak tujuh tahun lalu.

Didorong keinginan untuk mencuba sesuatu yang baharu, Nazirul mengambil langkah berani menceburi bidang perniagaan untuk menjana pendapatan sekali gus mencapai cita-citanya untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya suatu hari nanti.

Mengenang permulaannya dalam sukan silat, atlet berusia 21 tahun ini berkata minat yang mendalam terhadap sukan tersebut tercetus sejak di bangku sekolah lagi.

“Sejujurnya minat menjadikan saya lebih bersemangat ditambah pula dengan dorongan kaum keluarga yang tidak putus-putus memberikan galakan dan sokongan yang tidak berbelah bahagi,” ujarnya kepada *Wilayahku*.

Berkongsi keistimewaan silat, atlet muda ini berkata seni itu dianggapnya cukup indah kerana mempersembahkan gerakan unik, nampak hebat dan memupuk perasaan berani ketika berdepan pihak lawan.

“Silat merupakan antara seni



NAZIRUL HADI (dua kanan) bersama skuad silat Wilayah Persekutuan.

mempertahankan diri yang popular di seluruh dunia. Gerak langkah dalam seni bela diri itu juga antara cara terbaik untuk anak remaja membina kecergasan, disiplin diri dan kemahiran sosial,” ujarnya.

Tambahnya, biarpun tidak lagi terlibat dalam sukan tersebut namun dia akan memanfaatkan sebaiknya ilmu seni bela diri yang

dipelajari selama ini dengan sebaiknya.

“Silat banyak membawa kebaikan jika kita mempelajarinya. Ia membuatkan saya menjadi seorang yang lebih fokus dengan keadaan sekeliling mahupun apa sahaja dalam kehidupan ini.

“Contohnya ketika berlatih di gelanggang, saya akan memberikan

fokus penuh bagi memperbaiki pencapaian, memperkukuhkan kemahiran dan bersedia untuk pertandingan. Perkara tersebut terbawa-bawa dalam kehidupan seharian.

“Melaluinya juga menjadikan saya seorang yang menumpukan perhatian ketika sesi pembelajaran dan kuliah seterusnya dapat

Pencapaian Nazirul Hadi

2022 - Sukan Malaysia (SUKMA) XX MSN

2019 - Kejohanan Silat Kebangsaan

2018 - 24th Thailand Sport School Games - Emas

2018 - World Junior Pencak Silat Championship - Tempat kedua

menguasai akademik dengan baik,” ujar bekas pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Titiwangsa ini.

Menjadikan pesilat negara Indonesia, Iqbal Chandra Pratama sebagai idolanya kerana kekuatan mental yang terdapat pada lelaki tersebut, Nazirul berkata atlet tersebut sentiasa tenang ketika di gelanggang.

“Ternyata sukan silat ini bukan sahaja meletakkan diri dalam keadaan yang tenang tetapi dalam masa yang sama juga mendidik kita menjadi seorang yang kuat dari segi mental,” ujar anak sulung daripada empat orang adik-beradik ini. **WK**

Pestabola Merdeka 2023 pentas pilih pemain ke Piala Asia di Qatar

SAINGAN Pestabola Merdeka 2023 menjadi medan penting buat Ketua Jurulatih skuad kebangsaan **Kim Pan Gon** bagi memilih barisan pemain terbaik negara yang akan menggalas cabaran Malaysia pada Kempen Piala Asia 2023 di Qatar, Januari depan.

Jurulatih kelahiran Korea Selatan itu, bagaimanapun berkata beliau tidak akan membuat perubahan yang banyak dalam senarai barisan pemain, sebaliknya mereka perlu membuktikan prestasi cemerlang untuk membawa nama Malaysia di Qatar kelak.

“Jadi pentas ini (Pestabola Merdeka 2023) cukup penting bagi mereka (pemain). Jadi saya fikir bagi kami, kami tidak boleh melakukan banyak perubahan (ke atas pemain) kerana bagi saya, saya tidak bergantung hanya kepada satu aksi perlawanan, kerana kadang-kadang dalam satu atau dua perlawanan, prestasi pemain boleh menurun.

“Tetapi kami buat penilaian secara umum, jadi mereka harus mempamerkan karektor yang baik dan memahami aspek teknikal. Kami tidak menolak pemain hanya kerana tidak beraksi dengan baik



KIM PAN GON (kanan) memantau pemain ketika sesi kem latihan hari pertama menjelang Pestabola Merdeka di Wisma FAM Kelana Jaya baru-baru ini.

dalam satu perlawanan dengan menggantikannya dengan yang lain, itu bukan cara saya, ia bukan langkah yang betul untuk membangunkan pemain,” katanya.

Beliau berkata demikian sebelum memulakan hari pertama kem latihan pusat skuad Harimau Malaya menjelang Kejohanan Pestabola Merdeka 2023 yang akan membuka tirai pada 13 Oktober

ini. Skuad Harimau Malaya akan membuat penampilan di pentas Pestabola Merdeka 2023 bersama India, Tajikistan dan Palestin dari 13 hingga 17 Oktober ini sebelum memulakan Kempen Kelayakan Piala Dunia 2026/Piala Asia 2027 pada November dan Piala Asia 2023 di Qatar, Januari depan. - **BERNAMA**

SAMBUTAN HSN TAHUN 2023

PERLIS 14 OKTOBER 2023 | 10.00 PM

KEDAH 14 OKTOBER 2023 | 10.00 PM

PULAU PINANG 14 OKTOBER 2023 | 10.00 PM

SELANGOR 14 OKTOBER 2023 | 10.00 PM

KUALA LUMPUR 14 OKTOBER 2023 | 10.00 PM

NEGERI SEMBILAN 14 OKTOBER 2023 | 10.00 PM

MELAKA 14 OKTOBER 2023 | 10.00 PM

JOHOR 14 OKTOBER 2023 | 10.00 PM

PAHANG 14 OKTOBER 2023 | 10.00 PM

TERENGGANU 14 OKTOBER 2023 | 10.00 PM

KELANTAN 14 OKTOBER 2023 | 10.00 PM

SABAH 14 OKTOBER 2023 | 10.00 PM

LABUAN 14 OKTOBER 2023 | 10.00 PM

SARAWAK 14 OKTOBER 2023 | 10.00 PM

bertakuk kepada perubahan dan pilihan dari semula ke semula

www.fam.gov.my | @fam_malaysia | JBSN | MALAYSIA MADANI



Nazirul Hadi tinggalkan dunia silat



SEKITAR Majlis Pelancaran Filem Harimau Malaya: The Untold Journey yang berlangsung di Hotel Sheraton Petaling Jaya pada Selasa.



“Harimau Malaya adalah kita semua” – Afdlin

DALAM dunia yang semakin mencabar ini, bukan mudah untuk mengekalkan momentum semangat dan menaikkan motivasi diri.

Untuk itu, kita memerlukan dorongan kerana kadang kala kita akan merasa ‘jatuh’ sepanjang perjalanan kita menuju apa yang dicita-citakan.

Inilah mesej yang cuba disampaikan dalam filem Harimau Malaya: The Untold Journey.

Perjalanan hidup pahit manis, jatuh bangun akan membangkitkan semula semangat seseorang.

Menurut pengarahnya, **Datuk Afdlin Shauki** filem yang memaparkan nilai-nilai kesukanan dan sejarah ini merupakan sebuah karya wajib tonton.

“Harimau Malaya sebenarnya adalah kita semua iaitu semangat untuk berlawan dan tak pernah berputus asa. Itulah sebab saya jadikan semua karakter adalah Harimau Malaya.

“Mereka juga ada *battle* atau dugaan yang harus mereka lalui dalam kehidupan masing-masing. Semangat itulah yang menjadikan mereka terus kuat untuk berhadapan hidup hari ini yang penuh cabaran,” katanya ketika ditemui pada Majlis Pelancaran Filem Harimau Malaya: The Untold Journey, baru-baru ini.

Afdlin berkata kali terakhir dia duduk di kerusi sutradara dua tahun lalu, kesempatan mengarahkan Harimau Malaya: The Untold Journey adalah platform yang



AFDLIN (tengah) bersama pelakon Aidil Aziz (kiri) dan Sophia Albarakbah.

digunakannya untuk mewujudkan kecintaan yang lebih besar bukan hanya terhadap sukan tetapi semangat setiakawan, pengorbanan dan patriotisme yang sepatutnya ada dalam diri setiap rakyat Malaysia.

“Selaku rakyat Malaysia saya tidak seharusnya menolak peluang menggarap dan mengarah Harimau Malaya: The Untold Journey.

“Ini bukan sahaja kerana mahu ada satu karya dalam karier pengarah saya tetapi ia menjadi penghormatan saya kepada negara tercinta.

“Menerusi Harimau Malaya: The Untold Journey, anda akan mengerti definisi ‘Kejayaan Memerlukan Keberanian Dan Pengorbanan,’ ujarnya.

Menurut Penerbit Eksekutif 4ward Pictures Sdn Bhd, Nashrul Nasir, filem tersebut diinspirasi daripada kisah di sebalik tabir

Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) selepas Tan Cheng Hoe meletakkan jawatan sebagai jurulatih skuad kebangsaan pada Januari 2022.

“Dari inspirasi ini, Harimau Malaya: The Untold Journey berkembang bukan sekadar tentang pemain bola sepak tetapi kami mengambil naratif berbeza terutama mengangkat kisah tiga orang peminat tegar yang digelar Ultras yang disenarai hitam menghadiri perlawanan bola sepak selama setahun.

“Filem ini juga menampilkan ‘sepak terajang’ atau ‘perjalanan panjang’ tentang individu-individu di belakang tabir, di sekeliling yang banyak membantu skuad kebangsaan tetapi tidak pernah ‘dididangkan,’ ujarnya.

Tambah Nashrul, penghasilan Harimau Malaya: The Untold

Journey juga adalah sebuah apresiasi terhadap perjuangan skuad kebangsaan terutama selepas berjaya menewaskan Bangladesh sekali gus layak ke Piala Asia selepas 42 tahun.

“Kami percaya ada banyak kisah bersifat inspirasi yang boleh dikutip dan diambil daripada filem ini. Terutamanya kisah-kisah selepas Tang Cheng Hoe meletakkan jawatan.

“Dengan kepakaran Datuk Afdlin Shauki menulis skrip dan mengarahkan filem ini dalam atmosfera drama, kesukanan dan sejarah yang dibalut nilai komersial, Harimau Malaya: The Untold Journey adalah sebuah karya wajib tonton.

“Anda bukan hanya akan terinspirasi tetapi kami mahu menumbuhkan lebih segar patriotisme terhadap skuad kebangsaan dan Malaysia tercinta,” ujarnya.

Harimau Malaya: The Untold Journey dibarisi pelakon terkenal tanah air seperti Sophia Albarakbah, Zahrah Macwilson, Aiman Hakim Redza, Syafiq Kyle, Tony Eusoff, Vanidah Imran, Khir Rahman, Douglas Lim, Fattah Amin, Kavin Jay, Fazura, Namron, Bell Ngasri, Azhar Sulaiman dan ramai lagi.

Filem ini dijangka menjalani penggambaran selama 35 hari di sekitar Lembah Klang. Dalam masa yang sama juga penggambaran akan dilakukan di luar negara iaitu Singapura, Doha dan London. **WK**

